

Laporan Tahunan  
2021







Kekuatan semangat dan ketabahan individu terserlah ketika organisasi menghadapi kekangan dan cabaran berterusan ekoran pandemik COVID-19. Di dalam mengharungi pelbagai ujian, pepatah lama Parsi 'Ini juga akan berlalu' این نیز بگذرد, menjadi cahaya dan inspirasi untuk terus mara ke hadapan. Di Ekuinas, disamping menangani setiap cabaran kewangan mahupun operasi akibat wabak coronavirus, kami tetap memperjuangkan kepentingan dan keperluan pihak-pihak berkepentingan kami. Walaupun bertarung dengan lautan ujian yang belum pernah dilalui sebelum ini, semangat kami kental, tindakan kami pantas, operasi kami tangkas, di dalam membawa transformasi dan meningkatkan penciptaan nilai.

“Ini juga akan berlalu”





"Ini juga akan berlalu"

## VISI

Untuk menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia.

## MISI

Untuk melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia yang baharu, di samping menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan ketelusan.

# NILAI-NILAI

## **DIDORONG SECARA KOMERSIAL**

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

## **PRESTASI TINGGI**

Kami sentiasa berusaha untuk menjangkau sasaran

## **BERDASARKAN MERIT**

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran hanya berdasarkan prestasi

## **BERSEMANGAT**

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

## **FOKUS**

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

## **RENDAH DIRI**

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami dan sedar bahawa kami berkhidmat untuk matlamat yang lebih besar

# MENGENAI KAMI

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian (PE) yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 untuk menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan telus, menerusi pembentukan syarikat-syarikat peneraju generasi baharu di Malaysia.

## BAGAIMANA EKUINAS BEROPERASI ?

Berdasarkan model ekuiti persendirian (PE):

- 1 Pelaburan dalam syarikat berpotensi tinggi
- 2 Mengembangkan nilai syarikat secara agresif
- 3 Menjual kembali ekuiti setelah syarikat menjadi lebih maju atau meneraju pasaran

## OBJEKTIF UTAMA

- 1 **MENINGKATKAN KELESTARIAN PEMILIKAN EKUITI KORPORAT**
  - ▶ **Ekuiti langsung:** Membahagi pegangan ekuiti kepada pihak pengurusan berdasarkan prestasi
  - ▶ **Ekuiti tidak langsung:** Menginstitusikan pegangan saham untuk kelestarian melalui dana-dana institusi
- 2 **MENAMBAH PELUANG PEKERJAAN BERMANFAAT DALAM BIDANG UTAMA**
  - ▶ Mencipta lebih banyak peluang pekerjaan melalui pertumbuhan sektor dan syarikat sasaran
  - ▶ Memastikan pertumbuhan pekerjaan tertumpu dalam bidang-bidang kemahiran utama
  - ▶ Menumpukan kepada pertumbuhan bakat kumpulan pengurusan kanan
- 3 **MEMPERKUKUHKAN SEMANGAT KEUSAHAWANAN**
  - ▶ **Menyediakan modal risiko** yang mampan yang mencukupi untuk mengambil komitmen penting
  - ▶ **Kemahiran:** mengasah kemahiran dan keupayaan keusahawanan dan menubuhkan pasukan pengurusan yang kukuh dan berinsentif
  - ▶ **Tadbir urus:** meletakkan jangkaan tinggi ke atas prestasi, dan dipantau melalui perwakilan Lembaga Pengarah



# DI DALAM LAPORAN INI

## SOROTAN

2021 Sekilas Pandang	8
Maklumat Kewangan Utama 2021	10
Sorotan Kewangan Selama Lima Tahun	14
Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif	16
Peningkatan Impak ESG terhadap Ekuiti Persendirian oleh PwC Malaysia	26
Penubuhan Kerangka ESG Ekuinas	32

## PRESTASI

Laporan Prestasi Pelaburan	52
----------------------------	----

## ILTIZAM

Pengenalan	110
ILTIZAM untuk Keusahawanan	112
ILTIZAM untuk Pendidikan	115
ILTIZAM untuk Komuniti	118
Dana Ihsan COVID-19 ILTIZAM	119
Skim Zakat Wakalah	121

## KEPIMPINAN

Struktur Korporat	38
Maklumat Korporat	39
Struktur Organisasi	40
Lembaga Pengarah	41
Pengurusan Kanan	48

## TADBIR URUS

Penyata Tadbir Urus Korporat	86
Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman	98
Laporan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko	104
Dasar Pendedahan	106

## LAPORAN PORTFOLIO

Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	124
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	127
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	130
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	133
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	136
Nota kepada Laporan Portfolio	139

# SOROTAN

---

Sekilas Pandang 2021	8
Maklumat Kewangan Utama 2021	10
Sorotan Kewangan Selama Lima Tahun	14
Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif	16
Peningkatan Impak ESG Terhadap Ekuiti Persendirian Oleh PwC Malaysia	26
Penubuhan Kerangka ESG Ekuinas	32

# SEKILAS PANDANG 2021

## PRESTASI PELABURAN


DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II)	DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)	DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I)	DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II)
PULANGAN KASAR PORTFOLIO <b>RM654.0 JUTA</b>	KERUGIAN KASAR PORTFOLIO <b>RM(125.3) JUTA</b>	PULANGAN KASAR PORTFOLIO <b>RM60.5 JUTA</b>	KERUGIAN KASAR PORTFOLIO <b>RM(4.4) JUTA</b>
IRR KASAR <b>12.1% setahun</b>	IRR KASAR <b>-4.3% setahun</b>	IRR KASAR <b>3.3% setahun</b>	IRR KASAR <b>-0.8% setahun</b>
IRR BERSIH <b>8.6% setahun</b>	IRR BERSIH <b>-10.4% setahun</b>	IRR BERSIH <b>2.5% setahun</b>	IRR BERSIH <b>-2.0% setahun</b>

## JUMLAH KUMULATIF PORTFOLIO PELABURAN


JUMLAH BILANGAN PELABURAN - LANGSUNG DAN PENYUMBERAN LUAR	PELABURAN LANGSUNG	PROGRAM PENYUMBERAN LUAR	JUMLAH PELABURAN KOMITED OLEH EKUINAS	JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA, BERSAMA-SAMA DENGAN RAKAN PELABUR SWASTA
<b>70</b>	<b>47</b>	<b>23</b>	<b>RM4.4 BILION</b>	<b>RM5.0 BILION</b>

## PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

### GABUNGAN PELABURAN LANGSUNG DAN PROGRAM PENYUMBERAN LUAR



## SYARIKAT PENGURUSAN DANA



# MAKLUMAT KEWANGAN UTAMA 2021

## 1 PERGERAKAN DANA DARIPADA/KEPADA YAYASAN EKUITI NASIONAL (YEN)

	2021 RM juta	2020 RM juta
Dana diterima daripada YEN pada tahun ini	-	-
Dana kumulatif diterima daripada YEN	<b>4,000.0</b>	4,000.0
Modal dikembalikan kepada YEN pada tahun ini	-	120.0
Modal kumulatif dikembalikan kepada YEN	<b>320.0</b>	320.0

## 2 DANA DITUBUHKAN

	Tahun ditubuhkan	Saiz Dana RM juta	Tumpuan Pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
Ekuias Direct (Tranche I) Fund	2010	1,000.0	Beli habis dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1 tahun	Direalisasikan sepenuhnya
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	2012	1,000.0	Beli-habis dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1.5 + 2 tahun	Telah Dilaburkan
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	2014	1,500.0	Beli habis dan Modal Pertumbuhan	5 + 1 + 2 tahun	Telah Dilaburkan
Ekuias Direct (Tranche IV) Fund	2019	1,000.0	Beli-habis dan Modal Pertumbuhan	5 + 1 + 1 tahun	Sedang Dilaburkan
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 tahun	Telah Dilaburkan
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund	2013	240.0	Modal Pertumbuhan	7 + 1 + 1 + 1 tahun	Telah Dilaburkan

## 3 JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

	2021 RM juta	2020 RM juta
Pelaburan langsung	<b>3,500.0</b>	3,500.0
Penyumberan luar	<b>640.0</b>	640.0
	<b>4,140.0</b>	4,140.0
Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian	<b>4,402.0</b>	4,402.0

#### 4 RINGKASAN PRESTASI DANA

##### a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Terkumpul

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komited RM juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
<b>2021</b>			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,258.2	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	16	1,074.9	1,074.9
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	19	1,672.5	1,672.5
Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund	1	69.6	69.6
Jumlah - Pelaburan langsung	47	4,075.2	4,197.3
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	15	264.0	708.4
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	8	75.6	140.6
Jumlah - Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
<b>Jumlah - Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar</b>	<b>70</b>	<b>4,414.8</b>	<b>5,046.3</b>
<b>2020</b>			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,258.2	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	15	1,063.9	1,063.9
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	19	1,672.5	1,672.5
Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund	1	69.6	69.6
Jumlah - Pelaburan Langsung	46	4,064.2	4,186.3
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	15	264.0	708.4
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	8	75.6	140.6
Jumlah - Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
<b>Jumlah - Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar</b>	<b>69</b>	<b>4,403.8</b>	<b>5,035.3</b>

#### 4 RINGKASAN PRESTASI DANA

##### b. Ringkasan Aktiviti Realisasi Terkumpul

	Jumlah Bilangan Realisasi	Jumlah Terealisasi RM juta
<b>2021</b>		
Ekuias Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,624.4
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	11	901.1
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	6	645.3
<b>Jumlah</b>	<b>28</b>	<b>3,170.8</b>
<b>2020</b>		
Ekuias Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,624.4
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	11	901.1
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	6	645.3
<b>Jumlah</b>	<b>28</b>	<b>3,170.8</b>

##### c. Ringkasan Prestasi Kewangan Terkumpul

	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR)	IRR Bersih
<b>Dana Langsung</b>			
<b>2021</b>			
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	654.0	12.1% setahun	8.6% setahun
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	(125.3)	-4.3% setahun	-10.4% setahun
Ekuias Direct (Tranche IV) Fund*	-	N/M	N/M
<b>2020</b>			
Ekuias Direct (Tranche II) Fund	571.2	11.9% setahun	8.2% setahun
Ekuias Direct (Tranche III) Fund	(75.4)	-3.2% setahun	-11.0% setahun
<b>Dana Penyumberan Luar</b>			
<b>2021</b>			
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	60.5	3.3% setahun	2.5% setahun
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund	(4.4)	-0.8% setahun	-2.0% setahun
<b>2020</b>			
Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund	62.0	3.4% setahun	2.6% setahun
Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund	(12.2)	-2.8% setahun	-4.1% setahun

\* Prestasi Kewangan untuk Dana Ekuias Direct (Tranche IV) Fund tidak dibentangkan kerana dana masih di peringkat awal pelaburan



d. Prestasi Objektif Sosial – Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar

	Ekuiti Bumiputera Dicipta		Jumlah Ekuiti Dicipta	
	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan
<b>2021</b>	<b>5,874.7</b>	<b>1.5x</b>	<b>7,694.6</b>	<b>2.0x</b>
2020	5,557.5	1.4x	6,986.2	1.8x


5 EKUITI NASIONAL BERHAD (SYARIKAT PENGURUSAN DANA)

	2021 RM juta	2020 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	<b>4,140.0</b>	4,140.0
Perbelanjaan Operasi (OPEX)	<b>33.7</b>	45.8*
Nisbah OPEX kepada FuM	<b>0.8%</b>	1.1%*
Keuntungan selepas Cukai dan Zakat (PATZ)	<b>12.1</b>	0.4*


\* termasuk sumbangan berkaitan COVID-19 berjumlah RM4.7 juta

# SOROTAN KEWANGAN SELAMA LIMA TAHUN


### JUMLAH DANA DITERIMA




### JUMLAH BILANGAN DAN NILAI PELABURAN KOMITED




### JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA




### PELABURAN LANGSUNG – JUMLAH BILANGAN DAN TEREALISASI DARI PELUPUSAN




**PRESTASI DANA – EKUINAS DIRECT  
(TRANCHE II) FUND**




**PRESTASI DANA – EKUINAS DIRECT  
(TRANCHE III) FUND**



**JUMLAH NILAI EKUITI BUMIPUTERA  
DAN PEMEGANG SAHAM LAIN YANG TERCIPTA**



**JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FUM) DAN  
NISBAH FUM KEPADA PERBELANJAAN OPERASI (OPEX)**



# MENCIPTA NILAI JANGKA PANJANG UNTUK PELABUR, SYARIKAT, PORTFOLIO, KAKITANGAN, PEMEGANG SAHAM DAN KOMUNITI

**PENGERUSI**

**RAJA TAN SRI DATO' SERI  
ARSHAD RAJA TUN UDA**



**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**SYED YASIR ARAFAT SYED  
ABD KADIR**



# PERUTUSAN BERSAMA PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

**Semasa kami membuat pergerakan perancangan untuk tahun 2021, kami menaruh harapan bahawa keadaan pandemik yang terburuk telah berlalu. Program vaksinasi yang cekap pada tahun 2021 membawa kelegaan yang amat diperlukan terutama bagi mereka dalam sektor perkhidmatan kesihatan. Sokongan rakyat untuk dasar-dasar yang berterusan memainkan peranan penting dalam pemulihan perniagaan dan ekonomi. Penghargaan yang sewajarnya mesti diberikan kepada kerajaan, di atas program vaksinasi yang pantas dan cekap, yang telah mendorong pembukaan semula ekonomi secara selamat untuk kita semua.**

Walaupun kami terus mengambil langkah berjaga-jaga, dengan kejayaan program vaksinasi ini, kami menjangkakan pemulihan ekonomi yang jelas untuk Malaysia. Walau bagaimanapun, pandemik yang berterusan dan kepelbagaian varian virus menyebabkan sekatan dipanjangkan. Ini terus menjejaskan perniagaan, terutamanya sektor Peruncitan, Makanan dan Minuman (F&B), Pendidikan dan Pembuatan. Syarikat portfolio kami turut terjejas dan kami tidak berupaya melaksanakan aktiviti pelaburan dan pelupusan seperti yang dirancang.

Tahun 2021 telah mentakrif semula dan mengajar kita pengertian sebenar ketangkasan, ketabahan dan disiplin. Dalam menghadapi persekitaran operasi yang mencabar dan tidak stabil, Ekuinas berjaya beralih kepada Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP) yang mantap, khusus dan selari dengan keperluan setiap syarikat portfolio kami. Kami dapat melindungi, sebanyak mungkin, keupayaan syarikat-syarikat kami untuk kekal beroperasi di tengah-tengah pandemik, dan mengembangkan semula perniagaan selepas pandemik.

### 2021: UJIAN KETAHANAN DAN DISIPLIN


Sementara 2021 menguji daya tahan Ekuinas sebagai sebuah syarikat dan sebagai pelabur Ekuiti Persendirian (PE), ia juga membuktikan keupayaan kami, melangkaui daya tahan, untuk berjaya mengemudi syarikat-syarikat portfolio kami melalui persekitaran yang mencabar ini.

Kerjasama erat membolehkan kami mempelajari dan bertindak mengikut cara kerja baharu dengan pantas, menyesuaikan diri dan operasi dengan teknologi baharu, dan tangkas dalam transformasi dan penyesuaian proses kami untuk terus maju, ke arah pencapaian matlamat kami.

Kami beralih ke arah membina daya tahan dalam rantai nilai kami dengan memaksimumkan operasi perniagaan di bawah pelbagai sekatan, sambil terus membendung kos yang telah distruktur dan disempurnakan pada 2020. Tema utama untuk 2021 dan ke hadapan ialah Pendigitalan. Walaupun penggunaan teknologi dan pelaburan ke atas digitalisasi dipercepatkan pada tahun 2020, kami percaya masih banyak lagi yang perlu diusahakan terutamanya untuk syarikat-syarikat F&B kami. Kami menjangkakan pelaburan yang signifikan dalam antara muka teknologi serta sistem Perancangan Sumber Perusahaan (ERP) merentas semua syarikat portfolio kami; kedua-duanya akan membolehkan pengurusan inventori yang lebih cekap dan meningkatkan keberkesanan operasi dalaman.

Selaras dengan pandangan kami, tema untuk laporan tahunan 2021 ini ialah "Ini juga akan berlalu". Ia menandakan kesediaan sektor perniagaan dan negara untuk bangkit semula, mencapai prestasi yang lebih baik, sambil beroperasi dalam norma baharu.

**Rajah 1: Pasaran belian-habis memecah rekodnya sendiri pada 2021, melonjak kepada rekod baharu dalam nilai urus niaga dan jualan, sambil mengekalkan momentum penjanaana dana.**



Nota: Pelaburan – termasuk tambahan; tidak termasuk SPAC; tidak termasuk pinjaman untuk dimiliki dan pemerolehan aset bankrap; berdasarkan tarikh pengumuman; termasuk tawaran yang diumumkan yang telah selesai atau belum selesai, dengan data tertakluk kepada perubahan; Keluar – kebangkrutan dikecualikan; Nilai IPO mewakili jumlah tawaran dan bukan nilai pasaran syarikat; Pengumpulan dana – termasuk dana tertutup sahaja dan mewakili tahun di mana dana mengadakan penutupan terakhirnya; Kategori Belian termasuk beli keluar, seimbang, pelaburan bersama dan dana pelaburan bersama berbilang pengurus.

Sumber: Dealogic; Preqin - Bain analysis.

**ULASAN PASARAN: TAHUN YANG LAIN DARI YANG LAIN**

Ekonomi global memasuki fasa pemulihan yang tidak sekata pada 2021; ini disebabkan oleh perbezaan akses kepada vaksin yang ketara di antara pasaran maju dan yang membangun. Walaupun kadar vaksinasi penuh Covid-19 sedunia (dengan protokol awal yang lengkap) pada akhir tahun 2021 adalah pada 49.3%, perbezaan adalah ketara antara negara berpendapatan tinggi yang mencatatkan purata kadar vaksinasi sebanyak 70.5%, berbanding negara berpendapatan rendah di mana kadar vaksinasi sangat rendah pada hanya 3.9%. Negara-negara Asia, sebagai perbandingan, mencatatkan purata kadar vaksinasi sebanyak 56.6%, yang menunjukkan bahawa prospek pemulihan ekonomi adalah lebih cerah untuk rantau ini.

Selain daripada perbezaan ketara dalam akses kepada vaksin, perbezaan prestasi ekonomi di seluruh dunia akibat pembukaan semula ekonomi yang tidak sekata di pelbagai negara, menambah lagi jurang perbezaan antara negara berpendapatan tinggi dan berpendapatan rendah. Walaupun Amerika Syarikat (AS) dan Eropah menikmati prestasi ekonomi yang cemerlang pada tahun 2021, pasaran Asia mencatatkan prestasi yang lebih rendah berbanding rakan-rakan global mereka. Pertumbuhan dalam ekonomi Asia khususnya, lemah berbanding dengan negara-negara di Barat disebabkan oleh protokol

kesihatan awam yang ketat demi mengawal penyebaran virus Covid-19, manakala ruang fiskal terhad di kebanyakan negara membangun di Asia untuk mengerahkan pelan rangsangan yang diperlukan untuk mengurangkan kesan dan impak bekalan dan permintaan yang mengejut ekoran sekatan-sekatan.

Di Malaysia, pasaran ekuiti awam tempatan agak lemah berikutan pelabur runcit kembali aktif pada tahun 2020. Trend ini berterusan sehingga jam terakhir dagangan pada tahun 2021 dengan penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBMKLCI) mengakhiri tahun pada 1,567.53 mata, sebagai pasaran kedua terendah di Asia, selepas Hang Seng<sup>1</sup> di Hong Kong.

Keadaan pandemik yang semakin mencabar pada pertengahan 2021 menanggukkan pemulihan aktiviti ekonomi domestik yang menyeluruh. Untuk tahun ini sektor teknologi mendahului dengan keuntungan sebanyak 38%, diikuti oleh sektor produk dan perkhidmatan perindustrian dengan 13%, sektor pengangkutan dan logistik dengan 8%, dan sektor kewangan pada 1%<sup>2</sup>. Walau bagaimanapun, semasa kita menjejak masuk ke tahun 2022, pasaran telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan dengan indeks untuk minggu baru-baru ini tutup melebihi paras 1,600<sup>3</sup>.

<sup>1</sup> Sumber: Stock market an underperformer last year, see "https://www.thestar.com.my/business/business-news/2022/01/01/stock-market-an-underperformer-last-year"

<sup>2</sup> Sumber: Bursa Malaysia as at 22 April 2022

<sup>3</sup> Sumber: Value of PE dry powder globally 2003 – 2021, Statista, see "https://www.statista.com/statistics/513838/value-of-private-equity-dry-powder/"

## EKUITI PERSENDIRIAN MENCECAH REKOD BARU

Tahun 2021 merupakan tahun yang luar biasa untuk Ekuiti persendirian (PE) di seluruh dunia. Rizab tunai mencapai paras tertinggi, mencecah USD3.4 trilion di seluruh dunia, meningkat sebanyak USD300 bilion daripada 2020<sup>4</sup>. Begitu juga, nilai beli langsung dan pelupusan melonjak ke paras baharu, mencatatkan angka pemecahan rekod yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Nilai transaksi melonjak lebih daripada dua kali ganda tahun ke tahun (YoY), dari 2020 hingga 2021, apabila firma menggunakan jumlah dana tersedia yang lebih besar<sup>5</sup>.

Di rantau Asia Pasifik (APAC), aktiviti PE seperti pengumpulan dana melantun semula. Daripada paras terendah 7 tahun, ia berkembang sejajar dengan bilangan penggabungan dan pengambilalihan (M&As), sehingga mencecah USD973.5 bilion menjelang suku ketiga 2021, mengatasi rekod lalu sebanyak USD835.4 bilion pada 2015.

Selain daripada rekod yang membanggakan, 3 tema utama menguasai kedua-dua pasaran awam dan swasta:

1. Pencarian **teknologi atau perniagaan yang didayakan teknologi** seperti fintech, eCommerce atau penjagaan kesihatan. Selepas bertumbuhan yang mendadak ini, proses penilaian teknologi yang kukuh adalah penting untuk memastikan pelaburan yang berdisiplin dan berhemat dalam sektor tersebut.
2. Peningkatan integrasi ciri-ciri **Kelestarian atau Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)** dalam strategi dan dasar pelaburan. Pelabur, pengurus dana serta institusi kewangan di seluruh dunia semakin peka mengenai isu ESG dan secara terbuka menyatakan strategi ESG akan diberi pertimbangan dalam penilaian pelaburan yang dibuat. Ini memberi tekanan kepada syarikat untuk mempercepatkan atau meningkatkan penyepaduan dasar dan komitmen ESG sejajar dengan kesinambungan dan kejayaan perniagaan.

3. Syarikat PE, sama ada besar atau kecil beralih ke proses **yang lebih matang**, daripada pelaporan dalaman, pematuhan, perancangan hingga analisis kewangan (FP&A) yang menyeluruh. Selain pertumbuhan aset, 3 keutamaan strategik ialah **pengurusan bakat, pengembangan produk dan strategi, serta inisiatif dan pelan ESG<sup>6</sup>**.

## MEMAJUKAN INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN MALAYSIA

Di peringkat tempatan, Rakan Kongsi Umum atau General Partners (GP) Malaysia kembali pulih selepas tahun 2020 yang mencabar, dengan Modal Agregat Dikumpul sebanyak USD1.4 bilion, menerusi 3 dana dalam pasaran. Untuk konteks, Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) untuk industri PE global berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkompau (CAGR) sebanyak 9% sepanjang dekad lalu untuk mencapai lebih daripada USD4.3 trilion pada 2020, meningkat daripada USD1.8 trilion pada tahun 2010.

AUM untuk industri PE Malaysia telah berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.7% setiap tahun, daripada USD3.7 bilion pada tahun 2010 kepada USD6.8 bilion pada tahun 2020<sup>7</sup>.

Sehingga kini, jumlah dana komited dalam PE Malaysia meningkat 30.6% daripada RM7.4 bilion pada 2020 kepada RM9.6 bilion pada 2021. Sebahagian besarnya diperoleh daripada pelabur korporat (28.6%), pengurus pelaburan keluarga (19.1%), dan

institusi kewangan (11.9%).

Peruntukan aset untuk PE meningkat sebanyak 12.8% tahun 2021 berbanding 2020, daripada RM1.3 bilion kepada RM1.5 bilion, sejajar dengan peningkatan pemahaman dan penghargaan PE sebagai kelas aset<sup>8</sup>.

Pada tahun 2021, dianggarkan RM3.4 bilion modal tersedia untuk pelaburan PE, menandakan peningkatan lebih daripada dua kali ganda berbanding hanya RM1.5 bilion modal tersedia pada tahun 2020. Daripada jumlah modal yang ada ini, RM918.0 juta digunakan untuk pelaburan PE pada 2021 dalam 29 perjanjian. Penggunaan modal ini mencerminkan peningkatan 11.9 kali ganda berbanding tahun 2020 di mana jumlah modal yang digunakan untuk tawaran PE hanya RM77.1 juta, menerusi 9 perjanjian.

Daripada 29 tawaran PE yang direkodkan pada 2021, 34.9% pelaburan adalah dalam perdagangan borong dan runcit, 32.2% dalam perkhidmatan penginapan dan makanan, dan 8.1% dalam perkhidmatan kewangan.

Secara perbandingan, rantau ASEAN mencatatkan pertumbuhan dalam urus niaga PE lebih daripada 14.8% dalam tempoh yang sama, dengan negara maju seperti Singapura, Jepun dan Korea Selatan mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi masing-masing sebanyak 18.6%, 14.9% dan 29.6%.



<sup>4 & 5</sup> Sumber: *The PE Market in 2021: The Allure of Growth*, Bain, see "<https://www.bain.com/insights/private-equity-market-in-2021-global-privateequity-report-2022/>"

<sup>6</sup> Sumber: *2022 Global Private Equity Survey* by EY

<sup>7</sup> Sumber: <https://www.theedgemarkets.com/article/malysias-private-equity-industrineeds-further-boost>

<sup>8</sup> Sumber: *Securities Commission Malaysia (SC)'s 2021 Capital Market Annual Report*

JUMLAH DANA  
TERKUMPUL YANG  
DITERIMA

**RM4.0  
BILION**

PERTUMBUHAN  
PENDAPATAN

**12.1%**

PERTUMBUHAN EBITDA

**28.0%**

## SOROTAN KEWANGAN 2021


Sehingga 2021, jumlah dana terkumpul yang diterima oleh Ekuinas berjumlah RM4.0 bilion, atau 80% daripada RM5.0 bilion yang asalnya diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Namun begitu, Ekuinas terus mencari pulangan pelaburan yang positif dan melaksanakan tugas kami dengan standard tertinggi. Prestasi tinggi, profesionalisme dan pengawasan akan terus menjadi panduan kami dalam usaha menuju ke arah matlamat menjadi firma PE terkemuka di rantau ini.

Dari segi pengurusan portfolio, kami memacu pertumbuhan organik dan bukan organik untuk Exabytes Capital Group, Flexi Versa Group, kami melaksanakan pengurusan kos untuk AI-Ikhsan Sports Sdn Bhd, Revenue Valley Group dan Icon Offshore Bhd.

Untuk Dana Penyumberan Luar, kami memantau Navis Capital Partners, untuk Tranche I, dan COPE Private Equity, RM Capital Partners dan TAEI Partners untuk Tranche II, untuk masa yang tepat dan sesuai untuk pelupusan.

2021 merupakan tahun yang amat mencabar untuk pelaburan dan pelupusan disebabkan oleh sekatan yang berpanjangan. Mengikuti pengiraan kami, tahun 2021 mempunyai lebih banyak hari di bawah sekatan berbanding tahun 2020. Ini amat relevan kerana ia memberi kesan kepada banyak syarikat portfolio kami yang dalam sektor pengguna, runcit dan pembuatan, yang tidak dianggap sebagai 'perkhidmatan penting'. Ini juga memberi kesan kepada keupayaan kami untuk menggunakan modal, kerana ramai pemilik perniagaan memilih untuk menunggu pemulihan ekonomi, atau menuntut premium yang ketara dalam penilaian jika perniagaan mereka telah mendapat manfaat daripada pandemik tersebut. Ini adalah benar bagi sektor tertentu seperti Teknologi, di mana pecutan pesat dalam penggunaan teknologi digital oleh pelanggan membawa kepada penilaian yang agresif untuk syarikat dalam sektor tersebut.

Pandemik ini juga menimbulkan lebih ketidakpastian dalam prestasi asas atau sebenar syarikat kerana keadaan luar biasa yang menyelubungi tatkala pandemik itu membawa kepada gangguan yang ketara dalam kelakuan pasaran. Sepanjang tahun 2021, walaupun saluran pelaburan berpotensi kami kekal sihat,



kami memutuskan untuk mengekalkan disiplin pelaburan dan mengekalkan kebanyakan modal tersedia sambil terus mencari tawaran yang memenuhi kriteria nilai serta pertumbuhan kami.

Walau bagaimanapun, Ekuinas dapat melaksanakan satu pelaburan susulan untuk Orkim Sdn Bhd (Orkim) pada April 2021. Pelaburan ini dibuat untuk menyokong keperluan modal kerja Orkim, khususnya untuk pemerolehan serta kos permulaan untuk kapal-kapal yang baru dibina.

Dengan keadaan persekitaran yang berubah-ubah, kami segera beralih untuk menumpukan pada aktiviti penciptaan nilai untuk seluruh syarikat portfolio kami, dalam menyediakan syarikat untuk penjualan serta penutupan dana kami.





Tumpuan kami pada prestasi tinggi, profesionalisme dan pengawasan telah dan akan terus menjadi panduan dalam usaha ke arah pencapaian matlamat kami untuk menjadi firma PE terkemuka di rantau ini.



### PRESTASI DANA KAMI

Kami bersyukur kerana walaupun dalam persekitaran yang mencabar, Ekuinas mencatatkan pertumbuhan positif dalam prestasi Dana Ekuinas Direct (Tranche II). Dana Ekuinas Direct (Tranche II) membuat Pulangan Portfolio Kasar (GPR) sebanyak RM654.0 juta, dan Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR) sebanyak 12.1% setahun (TK2020: masing-masing RM571.2 juta dan 11.9%). Dana Ekuinas Direct (Tranche III) sebaliknya mencatatkan Kerugian Portfolio Kasar (GPL) sebanyak RM125.3 juta, diterjemahkan kepada IRR Kasar negatif sebanyak 4.3% setahun (TK2020: GPL sebanyak RM75.4 juta dan IRR Kasar negatif sebanyak 3.2%). Kami menjangkakan Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) akan menunjukkan prestasi yang sangat baik, disebabkan oleh prestasi kukuh aset pendasar kami, Medispec (M) Sdn Bhd. Bagi tahun dalam tinjauan, kami merekodkan pertumbuhan

hasil disatukan sebanyak 12.1% dan pertumbuhan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) sebanyak 28.0%, jauh melebihi kadar TK2020 masing-masing sebanyak -12.8% dan -14.9%.

Prestasi Dana Penyumberan Luar kami kekal perlahan. IRR Kasar Dana Penyumberan Luar Ekuinas (Tranche I) berada pada 3.3%, di bawah prestasi 2020 sebanyak 3.4%. Dana Penyumberan Ekuinas (Tranche II) kekal negatif mencerminkan IRR Kasar sebanyak -0.8%, melebihi prestasi 2020 sebanyak -2.8%.

Dari segi prestasi bukan kewangan, terutamanya untuk Ekuiti Bumiputera, dana langsung dan penyumberan luar Ekuinas meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak RM5.9 bilion atau 1.5 kali ganda modal yang dilaburkan (TK2020: RM5.6 bilion dan 1.4 kali).



#### AKTIVITI PENCIPTAAN NILAI

Sesuai dengan keadaan ekonomi dan persekitaran, kami terus menyokong pertumbuhan terbaik untuk syarikat portfolio kami, melalui pembangunan produk dan keupayaan baharu, pengembangan dari segi geografik, penggabungan dan pemerolehan (M&A) dan perkongsian.

Pendigitalan merupakan tumpuan utama untuk 2020 dan 2021. Kami mengambil peluang untuk membina kecekapan digital yang lebih mampan dalam perniagaan kami. Di bawah usaha pendigitalan, kami memperkenalkan pelbagai sistem operasi dan papan pemuka pengurusan yang disesuaikan dengan keperluan syarikat portfolio demi menambah baik proses dalaman mereka. Sebagai teras kritikal operasi perniagaan, hampir semua syarikat portfolio kami telah melalui program peningkatan pendigitalan di pelbagai peringkat; khususnya, Revenue Valley Group (RV), UNITAR International University (UNITAR), Davex Sdn Bhd (Davex), Flexi Versa Group (FVG), Orkim Sdn Bhd (Orkim), Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan) dan Medispec (M) Sdn Bhd (Medispec).

#### Revenue Valley

Memandangkan kerumitan perniagaan runcit dan pengguna, kami meluankan masa untuk menyelaraskan dan memposisikan jenama untuk meningkatkan penglibatan dan pengalaman pelanggan di semua titik sentuhan. Kami juga memperkenalkan menu baharu dengan kerjasama cef profesional untuk mempertingkatkan permintaan sambil mengembangkan jenama Daporlah (konsep dapur awam), dan merintis konsep kiosk baharu Nice Catch, sambil membina semula pasukan kepimpinan dengan pelantikan beberapa pegawai pengurusan tertinggi. Semua inisiatif disokong oleh teknologi yang menghubungkan pelanggan kepada operasi dalam memastikan kami dapat menyampaikan kualiti dan pengalaman yang diharapkan daripada jenama.

#### Cosmopoint College

Ekuiнас memulakan pelbagai rancangan untuk menyokong pertumbuhan menyeluruh seperti penjenamaan semula, latihan pemasaran digital dan perkongsian industri melalui program Gerenti Kerja (GERAK). Melalui usaha ini, 300 memorandum persefahaman (MOU) ditandatangani dengan rakan kongsi industri. Kami juga memperkenalkan program baharu seperti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan kursus dalam talian untuk lepasan ijazah yang berminat untuk menamatkan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (BBM).

#### UNITAR

Untuk menyediakan pendidikan berkualiti yang menggabungkan pengetahuan dari bilik darjah dan pengetahuan praktikal dari industri, kami memperkenalkan 17 kursus kelayakan mikro yang baharu (dalam talian dan konvensional) dan meningkatkan perkongsian industri, dengan menandatangani 86 MOU setakat ini. Kami juga telah melantik beberapa pakar yang disegani di dalam industri masing-masing sebagai Profesor Adjung ke arah menyediakan kemahiran kerja dan pengetahuan industri untuk meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran pelajar selepas tamat pengajian.

### Exabytes

Sebagai sebahagian daripada rancangan pertumbuhan serantau, Ekuinas bekerjasama rapat dengan Exabytes untuk membangunkan strategi pertumbuhan dan pemulihan, terutamanya dalam mewujudkan ekuiti jenama yang lebih kukuh untuk entiti Indonesia dan Singapura. Dengan menggunakan strategi jenama serantau melalui pendekatan jenama payung, matlamat kami adalah untuk membina kesedaran dan pertalian yang lebih besar kepada jenama induk. Selanjutnya, untuk mengukuhkan keselamatan siber dan keupayaan pengurusan perniagaan Exabytes, kami telah memulakan usaha untuk memperoleh firma yang akan dapat menyokong keperluan berkaitan keselamatan siber semasa dan masa hadapan. Pada masa yang sama, pihak pengurusan juga sedang mengembangkan pasukan kakitangan kanan untuk menguruskan bidang perniagaan yang kian berkembang.

### Al-Ikhsan

Pelbagai inisiatif telah diusahakan untuk meningkatkan dan meluaskan jangkauan dan daya tarikan Al-Ikhsan kepada khalayak sasarannya. Ini termasuk pembukaan 13 cawangan runcit, dengan rancangan selanjutnya untuk bertapak di Malaysia Timur sambil mengukuhkan kehadiran dalam talian dengan terus menambah baik platform e-dagang bagi memastikan pelanggan mendapat kemudahan dan pilihan untuk membeli produk Al-Ikhsan. Untuk menambah daya tarikan Al-Ikhsan, kami akan meningkatkan penawaran produk dengan melancarkan sub-kategori untuk jenama seperti AL, Umbro dan Harimau Malaya. Untuk mengekalkan kunci kira-kira yang sihat, kami juga telah memanfaatkan aktiviti pembersihan stok untuk kecekapan inventori.

### Medispec

Ekuinas bekerjasama erat dengan pasukan pengurusan untuk membangunkan dan memperdalam hubungan perniagaan-ke-perniagaan (B2B) dengan farmasi, klinik dan hospital, serta merancang pengembangan ke pasaran Malaysia Timur dan pasaran serantau seperti Indonesia, Singapura, Brunei, Vietnam dan Filipina. Kami juga telah melantik agensi luar untuk menyegarkan semula identiti jenama, laman web dan bahan pemasaran untuk menambah baik pengenalan semula jenama Vitamode di kalangan pengguna.

### Davex

Tahun ini, Ekuinas memperkukuh portfolio produk untuk rangkaian 'Front of House' dan rekabentuk Davis demi meluaskan penawaran produk berkualiti. Kami juga berusaha mengembangkan strategi perniagaan syarikat, termasuk meneroka ruang kejuruteraan solar, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) serta mewujudkan kerjasama dengan syarikat penyedia penyelesaian pintar tempatan seperti esave dan ST Engineering.

### FVG

Untuk menggalakkan diversifikasi dan mengurangkan penggantungan kepada hasil audio konvensional, kami telah menambah rekabentuk elektronik dan keupayaan pengacuan suntikan getah untuk mengembangkan lagi portfolio pembuatan. Kami juga telah menjalankan usaha wajar ke atas syarikat yang disasarkan untuk memperoleh keupayaan baharu dan menerokai pasaran dan pelanggan baharu.

## PELABURAN DAN PELEPASAN

Sekatan pergerakan membawa cabaran kepada Ekuinas untuk bertemu dengan para pelabur berpotensi untuk syarikat-syarikat kami dan mewujudkan hubungan dan usaha wajar yang diperlukan dalam proses pelaburan kami.

Oleh itu, kami beralih kepada memberi tumpuan terhadap penyediaan syarikat portfolio dalam Dana Ekuinas Direct (Tranche II dan III) untuk penjualan. Sebahagian daripada usaha ini adalah pelaburan susulan sebanyak RM11.0 juta di Orkim, yang telah dilaksanakan pada April 2021.

Kami menjangka 2022 akan menjadi tahun yang sibuk menjelang penutupan dan pengeluaran dana yang disebutkan di atas.

## MEMBINA KEMAMPAAN RANTAI NILAI KAMI MELALUI KERANGKA ESG EKUINAS

Ekuinas diasaskan sebagai sebuah syarikat pengurusan dana PE dengan tujuan dan tanggungjawab sosial yang jelas. Mereka yang mengenali Ekuinas sudah sedia maklum tema-tema tanggungjawab sosial yang kami dokong sejak kami mula operasi pada tahun 2009. Kini, perkembangan skop tanggungjawab sosial kami selaras dengan taksonomi antarabangsa ESG, mempertajamkan fokus kami untuk mewujudkan generasi syarikat peneraju terkemuka Malaysia yang mampan, sambil menjana impak sosial dan alam sekitar yang lebih besar.

Dengan pelancaran kerangka ESG kami pada tahun 2022, kami ingin meningkatkan proses pelaburan dan nilai syarikat portfolio kami dengan menyepadukan pertimbangan ESG ke dalam setiap perniagaan. Kerangka ESG akan mempengaruhi pendekatan usaha wajar kami yang ketat dan kami menjangkakan penambahbaikan pada keseluruhan proses penilaian pelaburan serta penciptaan nilai dalam portfolio pelaburan kami.

Kerangka ESG kami menggariskan peta jalan yang jelas untuk pelaksanaan inisiatif ESG dalam aktiviti perniagaan dan strategi pelaburan untuk 3 tahun akan datang, sila rujuk maklumat lanjut di halaman 32 laporan ini.

Inisiatif ESG kami diselaraskan dengan 7 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga akan menjadi fokus dalam keseluruhan strategi ESG kami.

### **BERTERUSAN MENCIPTA IMPAK SOSIAL YANG POSITIF**

Sejak penubuhannya, Ekuinas sentiasa berusaha menyokong objektif pencapaian nilai jangka panjang dan impak positif dari segi sosial, khususnya untuk masyarakat Bumiputera untuk memangkin kemajuan sosial, kami menyediakan peluang dan landasan agar individu, keluarga dan masyarakat dapat berkembang maju dan mencapai kejayaan yang berkekalan.

Ekuinas meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak RM5.9 bilion atau 1.5 kali ganda modal yang dilaburkan (TK2020: RM5.6 bilion dan 1.4 kali ganda) melalui dana langsung dan penyumbangan luar kami. Di samping itu, terdapat peningkatan sebanyak 19.4% dalam bilangan ahli pengurusan Bumiputera dan peningkatan sebanyak 12.3% dalam bilangan pekerja Bumiputera (TK2020: masing-masing 13.3% dan 10.5%).

Melalui cabang Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), ILTIZAM, Ekuinas menyasarkan komuniti dan perniagaan, khususnya usahawan Bumiputera dan profesional muda serta

individu yang memerlukan, dengan memberi sokongan, memupuk dan mendorong bakat supaya mereka mencapai potensi sepenuhnya.

Kami telah melipatgandakan usaha kami dalam ILTIZAM, dengan sebahagian besar dana yang diperuntukkan disalurkan kepada teras Keusahawanan supaya perniagaan dan usahawan yang terjejas dapat membina semula dengan lebih kukuh selepas dua tahun mengalami kesan pandemik COVID-19. Rangka kerja ILTIZAM telah membolehkan kami meningkatkan program dan usaha dalam bidang yang lebih bermakna dan mengikut keperluan semasa.

Pada tahun 2021, ILTIZAM telah mengagihkan sebanyak RM17.5 juta di antara ketiga-tiga teras Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti, dan telah memanfaatkan seramai 14,000 individu. Dengan ini jumlah sumbangan CSR Ekuinas sejak penubuhannya adalah RM68.3 juta. Untuk butiran lanjut, sila rujuk bahagian ILTIZAM oleh Ekuinas untuk keterangan lanjut kesemua inisiatif yang disediakan tahun ini di muka surat 110 hingga 121 di dalam laporan ini.

Dana Ihsan COVID-19 ILTIZAM (Dana Ihsan) telah diperkenalkan tahun lepas untuk menyokong negara dalam memerangi pandemik yang melanda. Kami menyalurkan RM2.5 juta melalui 8 inisiatif untuk memastikan dan meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan komuniti. Butiran lanjut mengenai Dana Ihsan boleh didapati di muka surat 119 hingga 120.

Skim Zakat Wakalah, di mana Ekuinas bertindak sebagai wakil Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyaksikan RM831,250 diagihkan kepada 1,238 pelajar yang layak dari Kolej Cosmopoint. Sebanyak RM194,094 lagi telah disalurkan kepada 38 penerima yang layak (masjid/surau, institusi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu), dan RM300,000 telah disalurkan kepada 4 usahawan fakir/miskin dalam perniagaan trak makanan. Butiran lanjut mengenai Skim Zakat Wakalah dikongsi di muka surat 121.

### **TINJAUAN DAN PERANCANGAN UNTUK 2022: BANGKIT SEMULA**

Kami menjangkakan 2022 akan menjadi tahun di mana kita berjaya keluar daripada pandemik ini. Rancangan sedang dibuat untuk melupuskan sebahagian daripada pegangan kami dan untuk menggunakan sejumlah besar modal, dengan lebih penekanan untuk mengenal pasti usahawan Bumiputera yang berkebolehan dan berpotensi tinggi. Jangkaan kami ialah aktiviti ekonomi akan bertambah baik untuk kebanyakan syarikat portfolio kami apabila negara bangkit semula selaras dengan pembukaan semula sempadannya.

Yang menjadi keutamaan dalam agenda 2022 kami adalah:

1. Penggunaan modal: Kami telah membina rangkaian pelaburan berpotensi yang besar hasil dari usaha kami meningkatkan penajaan pelaburan berpotensi sebelum pandemik. Penekanan akan ditingkatkan dalam usaha wajar untuk memastikan sebarang keputusan pelaburan dibuat



dengan cekap dan tepat pada masanya, memandangkan ketidaktentuan pasaran sepanjang dua tahun yang lalu.

2. Penciptaan nilai: Sepanjang dua tahun yang lepas, Ekuinas telah meningkatkan proses penciptaan nilai untuk mengukuhkan atau, dalam beberapa kes, mengubah hala tuju perniagaan untuk menyesuaikan diri dengan pasaran yang tidak menentu dan tidak dapat diramalkan. Kami meneruskan disiplin kami untuk menambah nilai sambil meningkatkan posisi syarikat portfolio kami untuk pelupusan.
3. ESG: Kerangka ESG yang diperkenalkan pada tahun ini akan menjadi panduan masa depan untuk Ekuinas dan syarikat portfolio kami. Dengan menyelaraskan kepada amalan terbaik antarabangsa, kami akan dapat menjejak dan mengukur prestasi ESG dengan lebih baik dan secara menyeluruh, di samping menyediakan data khusus dan berkualiti serta menerapkan budaya kemampanan yang akan memacu momentum jangka panjang yang positif untuk Ekuinas dan syarikat portfolio kami.

Ekuinas juga akan memberi lebih tumpuan kepada teknologi dan pendigitalan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, dalam teknologi dan pendigitalan adalah baik, terutamanya di sekitar perniagaan yang didayakan teknologi yang telah mengubah cara kita hidup, bekerja dan bermain. Kami juga percaya permintaan akan meningkat dalam sektor seperti pengguna, penjagaan kesihatan, logistik/perkhidmatan dan terutamanya teknologi, apabila rakyat Malaysia menyesuaikan diri dengan norma baharu. Industri-industri ini akan mengalami daya tarikan yang lebih tinggi apabila Malaysia bangkit semula daripada pandemik ini. Penekanan kepada ESG juga akan menyumbang kepada keyakinan, tadbir urus dan ketelusan yang lebih tinggi dalam perniagaan.

Pergelutan semenjak dua tahun lalu membuktikan bahawa kakitangan adalah tulang belakang dan kunci kejayaan bagi sesebuah organisasi. Dengan kakitangan

yang berdedikasi dan bermotivasi, organisasi boleh terus mencapai prestasinya. Dengan itu, adalah penting untuk menarik, memupuk dan mengembangkan bakat kerana ia merupakan kekuatan yang akan terus membolehkan kami membangun kembali dengan lebih kukuh, berkembang maju dan berdaya saing. Kami akan terus menumpukan strategi untuk mengukuhkan pasukan kami dan seterusnya, kakitangan syarikat portfolio kami. Penilaian yang teliti dan disiplin yang berterusan dalam proses pelaburan, ditambah dengan pematuhan yang ketat selaras dengan rangka kerja tadbir urus kami, akan membolehkan kami mengekalkan trajektori prestasi yang konsisten.

Kami akan kekal fokus kepada mandat dan prestasi kami. Kami komited dalam memastikan pelaksanaan projek, inisiatif dan strategi pelaburan yang konsisten dan berdisiplin sambil meningkatkan aktiviti penciptaan nilai untuk meneguhkan daya tahan dan mencapai prestasi melalui prestasi pengurusan terperinci dan rangka kerja yang ditetapkan.

Setiap pengajaran dari dua tahun yang lalu akan membantu kami kembali lebih kukuh, lebih bijak dan fokus sambil mengharungi persekitaran dan cabaran yang lebih kompleks dalam 2022.

#### **NOTA PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

2021 merupakan satu lagi tahun yang mencabar bagi Ekuinas, malah ia mungkin tempoh paling sukar sejak kami ditubuhkan pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, pasukan kakitangan kami terus bekerjasama untuk melaksanakan segala perancangan sekalipun terdapat sekatan berkaitan pandemik.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri yang menyelia Ekuinas. Terima kasih di atas sokongan yang berterusan dan keyakinan anda terhadap keupayaan kami untuk menyampaikan mandat yang diamanahkan.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Lembaga Pengarah kami di atas kecekapan dan bimbingan mereka, semenjak penubuhan Ekuinas sehingga ke hari ini. Pencapaian kami setakat ini, terutamanya dengan latar belakang yang mencabar dan kompleks, tidak mungkin dapat dicapai tanpa nasihat dan sokongan anda yang padu. Dengan bimbingan berterusan dari anda, kami tetap yakin dengan keupayaan kami untuk terus melaksanakan mandat dalam norma baharu.

Kami juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada para kakitangan kami dan juga kakitangan syarikat portfolio kami. 2021 telah menduga kita tetapi keyakinan, ketekunan dan kerja keras anda telah membawa kita melalui satu lagi tahun yang penuh perubahan dan penyesuaian. Terima kasih atas keyakinan anda terhadap organisasi dan dedikasi anda dalam mengharungi masa-masa yang mencabar.

Kami ingin mengiktiraf segala usaha dan dedikasi anda terhadap peranan yang diamanahkan. Kami sangat gembira dan bertuah kerana dapat bekerja bersama pasukan kakitangan yang berkebolehan dan bersemangat.

Ekuinas akan tetap teguh dalam komitmen untuk mencipta nilai positif jangka panjang untuk Kerajaan, pihak berkepentingan dan syarikat-syarikat portfolio. Kami berharap untuk membina satu lagi dekad pertumbuhan yang luar biasa untuk industri PE Malaysia dengan ESG sebagai peneraju pertumbuhan.

Terima kasih, kami harap sokongan berterusan anda akan mengiringi kami mara ke hadapan.

**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad  
Raja Tun Uda**  
Pengerusi

**Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**  
Ketua Pegawai Eksekutif

# PENINGKATAN IMPAK ESG TERHADAP EKUITI PERSENDIRIAN OLEH PwC MALAYSIA


## ESG SEMAKIN BERTAPAK DALAM EKUITI PERSENDIRIAN

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, isu-isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus (“ESG”) telah menjadi agenda korporat yang utama di seluruh dunia. Syarikat-syarikat serta para pelabur, termasuk firma-firma ekuiti persendirian (“PE”), sedang menilai semula secara radikal kepentingan dan nilai ESG terhadap perniagaan mereka. Dahulu, firma PE biasanya menganggap ESG sebagai satu bidang pematuhan yang terpisah atau sebagai satu penawaran pakar untuk sekumpulan kecil pelabur. Hari ini, banyak firma PE melihat ESG sebagai rangka kerja menyeluruh yang memaklumkan pemikiran strategik untuk organisasi dan perniagaan.

Sikap dan pendekatan firma PE terhadap ESG telah matang dengan ketara dalam banyak bidang, termasuk cara mereka menghargai prestasi ESG, cara ESG memberi kesan kepada keputusan pelaburan dan nilai perusahaan, serta pelaporan dan pendedahan awam (*lihat Rajah 1 dan 2*).

### Rajah 1: Persepsi Firma PE terhadap Kepentingan Bidang Integrasi ESG

Kepentingan relatif bidang subjek ESG untuk 2013 berbanding 2021



*Nota: Dasar untuk 2021: 180 (tidak termasuk responden untuk Modal Teroka sahaja) Dasar untuk 2013: 103  
Sumber: PwC Private Equity Responsible Investment Survey 2021 and 2013*

### Rajah 2: Sorotan mengenai integrasi ESG bagi Firma-firma PE

<p><b>38%</b> telah mengenal pasti Matlamat Pembangunan Lestari PBB yang relevan di peringkat portfolio syarikat</p>	<p><b>56%</b> membincangkan ESG sebagai sebahagian daripada agenda lembaga eksekutif lebih daripada sekali setahun</p>	<p><b>65%</b> telah membangunkan dasar pelaburan atau ESG yang bertanggungjawab dan alat untuk melaksanakannya</p>	<p><b>72%</b> sentiasa menapis syarikat sasaran untuk risiko dan peluang ESG pada peringkat pra pemerolehan</p>
--	--	--	---

*Sumber: PwC Private Equity Responsible Investment Survey 2021*


Kemajuan dalam kematangan ESG ini didorong oleh empat faktor utama:

Permintaan pelabur yang lebih tinggi	Peralihan dalam keutamaan pasaran	Tekanan kawal selia berkaitan ESG	Pengaruh reputasi
Pelabur firma PE, termasuk rakan kongsi am dan terhad, telah meningkatkan piawaian mereka melebihi pemaksimuman keuntungan dan telah menjadi lebih sedar tentang kesan yang dijana daripada modal mereka.	Pasaran dan pengguna di seluruh dunia semakin sedar tentang isu ESG dan sejajar dengan itu telah mengalihkan pilihan mereka ke arah produk dan perkhidmatan yang lebih mampan, serta menuntut ketelusan yang lebih besar mengenai kemajuan kemampunan syarikat.	Kerajaan telah semakin memperkenalkan peraturan baharu berkaitan ESG untuk syarikat untuk menyokong komitmen kemampunan negara, terutamanya mengenai pendedahan dan pelaporan (cth., Draf Pendedahan Peraturan Risiko Berkaitan Iklim oleh Bank Negara Malaysia).	Tajuk berita dan pasaran semakin memaparkan pencapaian dan kemalangan berkaitan ESG oleh syarikat, yang mengakibatkan kesan ketara ke atas reputasi perniagaan (secara positif dan negatif).

Secara umumnya, firma PE melihat penciptaan nilai sebagai pendorong utama untuk mereka mengintegrasikan ESG ke dalam proses pelaburan mereka (lihat Rajah 3). Penciptaan nilai, dalam hal ini, adalah berkaitan dengan pelaburan baharu dan peluang perniagaan yang timbul daripada peralihan dalam keutamaan pasaran untuk produk/perkhidmatan ESG.

**Rajah 3: Pemacu/Faktor Teratas untuk Penyepaduan ESG Di Kalangan Firma PE**

% responden yang meletakkan setiap jawapan sebagai salah satu daripada tiga pemandu teratas mereka



*Nota: Jawapan lain yang responden telah senaraikan sebagai tiga teratas yang tidak ditunjukkan di sini: kewajipan fidusiari - 12% daripada responden; peraturan - 12%; kecekapan operasi - 10%; tekanan pengurusan kanan/ lembaga - 5%; lain - 5%*


Sumber: PwC Private Equity Responsible Investment Survey 2021

Rakan kongsi terhad dan umum semakin menyedari bahawa ESG menyediakan peluang perniagaan sebenar, setanding dengan gelombang transformasi utama yang lain, seperti pendigitalan dan pengantarabangsaan. Dengan pemikiran yang lebih proaktif ini, firma PE sedang mendalami trend kemampanan utama, termasuk bidang seperti sifar bersih, protein berasaskan tumbuhan, penjagaan kesihatan mampu milik, teknologi iklim, ekonomi bulat dan penyelesaian berasaskan alam semula jadi sebagai pengganggu dunia perniagaan.

Di Asia, firma PE semakin mengguna pakai ESG dalam pendekatan pelaburan mereka, namun jurang kematangan berbanding syarikat setara global adalah jelas. Preqin, sebuah syarikat penyelidikan data pelaburan, baru-baru ini menilai kematangan ESG firma PE merentas wilayah dengan membandingkan tahap ketelusan data ESG1. Didapati bahawa di Asia, skor ketelusan median hanya berada pada 5% manakala Amerika Utara dan Eropah masing-masing pada 46% dan 54% (lihat Rajah 4). Tambahan pula, di Asia, hanya 14% daripada firma PE yang dikaji adalah melebihi ketelusan median sebanyak 5%.

**Rajah 4: Skor Ketelusan ESG Merentas Wilayah**

Skor ketelusan median firma PE yang ditinjau di seluruh Asia-Pasifik, Amerika Utara dan Eropah



APIIT & Tenby <sup>^</sup>	2017	100.0	848.3	21.9%	2.0
UNITAR & Cosmopoint*	2017	100.0	172.5	-4.4%	0.7
RV*	2017	100.0	122.1	11.3%	1.8
Tranglo	2018	100.0	114.9	26.9%	2.0
Medix & PMCare	2018	100.0	246.8	40.9%	2.8
APIIT Lanka <sup>^</sup>	2019	100.0	42.1	9.6%	1.6
Primabaguz	2019	100.0	151.1	20.8%	3.6
Coolblog	2020	100.0	64.5	6.4%	1.4
<b>Direalisasi separa</b>					
ICON <sup>^</sup>	2014	89.1	645.5	25.5%	1.7
ICON <sup>^</sup>	2019	N/A	191.4	3.7%	1.1
ICON*	2020	N/M	0.1	N/M	N/M
<b>Jumlah Hasil Dari Realisasi</b>			<b>3,170.8</b>		

<sup>^</sup> Pelupusan pada peringkat dana merentasi pelbagai dana

\* Dipindahkan ke Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

### 4 Prestasi Syarikat Portfolio

#### Prestasi Syarikat Portfolio – Gabungan Hasil dan EBITDA

	Hasil (RM juta)			EBITDA (RM juta)*		
	2021 A	2020 B	% Pertumbuhan A - B	2021 A	2020 B	% Pertumbuhan A - B
Kumpulan Pendidikan	68.0	66.4	2.5%	7.7	7.3	5.7%
Peruncitan - F&B	60.5	57.8	4.7%	5.8	(1.9)	>100.0%
Minyak & Gas	484.7	387.0	25.2%	230.1	184.1	25.0%
Peruncitan	281.1	269.3	4.4%	18.4	11.2	64.8%
Kumpulan Pembuatan	280.2	280.0	0.1%	9.0	12.3	-27.1%
Perkhidmatan Teknologi	88.5	77.2	14.7%	15.8	13.9	13.5%
Penjagaan Kesihatan	91.8	70.9	29.5%	20.6	13.1	56.8%
<b>Syarikat Portfolio Digabungkan</b>	<b>1,354.8</b>	<b>1,208.5</b>	<b>12.1%</b>	<b>307.3</b>	<b>240.0</b>	<b>28.0%</b>

\* EBITDA tidak termasuk sebarang butiran tidak berulang dan luar biasa

## 5 Prestasi Dana

### 5.1 Ekuinas Direct (Tranche ii) Fund

#### a Nilai Aset Bersih (NAB) pada 31 Disember 2021


	2020 RM juta	Perubahan RM juta	2021 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>1,000.0</b>	-	<b>1,000.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>1,208.6</b>	<b>18.6</b>	<b>1,227.3</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	<b>10.4</b>	-	<b>10.4</b>
<b>D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)</b>	<b>1,219.1</b>	<b>18.6</b>	<b>1,237.7</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	<b>75.0</b>	-	<b>75.0</b>
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>1,294.1</b>	<b>18.6</b>	<b>1,312.7</b>
<b>Tambah Peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Keuntungan Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	288.4	81.2	369.6
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	289.8	-	289.8
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	(7.0)	1.5	(5.4)
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>571.2</b>	<b>82.8</b>	<b>654.0</b>
Perbelanjaan Organisasi	(164.9)	(35.5)	(200.4)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(929.7)	(15.3)	(945.0)
<b>Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(523.3)</b>	<b>32.0</b>	<b>(491.4)</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>770.8</b>	<b>50.6</b>	<b>821.4</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan - pada kos	369.5	11.0	380.5
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	288.4	81.2	369.6
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>657.9</b>	<b>92.2</b>	<b>750.1</b>
Tambah: Baki Tunai	103.6	2.4	106.0
Tambah: Baki Kerja	9.4	(44.0)	(34.6)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>770.8</b>	<b>50.6</b>	<b>821.4</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>770.8</b>	<b>50.6</b>	<b>821.4</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	<b>919.3</b>	<b>15.3</b>	<b>934.5</b>
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>1,690.0</b>	<b>65.9</b>	<b>1,755.9</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>11.9%</b>		<b>12.1%</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah bawa hadapan)</b>	<b>8.2%</b>		<b>8.6%</b>

\* Termasuk pengagihan modal dilabur semula



**b. Ekuinas Direct (Tranche II) Fund Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul**

**Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul RM1.6 BILION**




<sup>A</sup> Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM654.0 million pada tahun 2021

<sup>#</sup> Jumlah bersih pembiayaan

**c. Ekuinas Direct (Tranche II) Pergerakan Nilai Portfolio Dana pada 31 Disember 2021**

**PEROLEHAN PORTFOLIO KASAR BAGI TAHUN DENGAN RM82.8 JUTA**



<sup>A</sup> Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2020 bernilai RM571.2 juta

<sup>B</sup> Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2021 bernilai RM654.0 juta

<sup>C</sup> Jumlah digabung membawa kepada perubahan pada tahun ini bernilai RM82.8 juta

<sup>#</sup> Jumlah bersih pembiayaan

## 5.2 Ekuinas Direct (Tranche III) Fund


### a Nilai Aset Bersih Dana (NAB) pada 31 Disember 2021

	2020 RM juta	Perubahan RM juta	2021 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>1,500.0</b>	-	<b>1,500.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>1,321.9</b>	<b>54.2</b>	<b>1,376.1</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	<b>36.4</b>	<b>10.4</b>	<b>46.8</b>
<b>D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)</b>	<b>1,358.3</b>	<b>64.6</b>	<b>1,422.9</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	<b>250.4</b>	<b>131.4</b>	<b>381.8</b>
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>1,608.6</b>	<b>196.0</b>	<b>1,804.7</b>
<b>Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	46.6	5.1	51.7
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(261.9)	(58.7)	(320.4)
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	164.4	-	164.4
Perbelanjaan Faedah	(24.7)	3.7	(21.0)
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>(75.4)</b>	<b>(49.9)</b>	<b>(125.3)</b>
Perbelanjaan Organisasi	(206.1)	(8.7)	(214.8)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(392.8)	(21.2)	(414.0)
<b>Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(674.3)</b>	<b>(79.8)</b>	<b>(754.1)</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>934.4</b>	<b>116.2</b>	<b>1,050.6</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan - pada kos	1,147.1	175.2	1,322.3
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(261.9)	(58.7)	(320.4)
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>885.2</b>	<b>116.5</b>	<b>1,001.8</b>
Tambah: Baki Tunai	38.6	6.2	44.8
Tambah: Baki Kerja	10.5	(6.5)	4.0
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>934.4</b>	<b>116.2</b>	<b>1,050.6</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>934.4</b>	<b>116.2</b>	<b>1,050.6</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	<b>356.4</b>	<b>10.8</b>	<b>367.2</b>
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>1,290.8</b>	<b>127.1</b>	<b>1,417.8</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>-3.2%</b>		<b>-4.3%</b>
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>-11.0%</b>		<b>-10.4%</b>

\* Termasuk pengagihan modal untuk dilabur semula

**b. Ekuinas Direct (Tranche III) Fund Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul**

**NILAI PORTFOLIO SEHINGGA KINI SEBANYAK RM1.0 BILION**




<sup>A</sup> Jumlah digabung membentuk Kerugian Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM125.3 juta pada tahun 2021

<sup>#</sup> Jumlah bersih pembiayaan

**c. Ekuinas Direct (Tranche III) Fund Perubahan Nilai Portfolio pada 31 Disember 2021**

**PULANGAN KASAR PORTFOLIO BAGI TAHUN SEMASA SEBANYAK RM49.9 juta**



<sup>A</sup> Jumlah digabung membawa kepada Kerugian Kasar Portfolio terkumpul tahun 2020 bernilai RM75.4 juta

<sup>B</sup> Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2021 bernilai RM125.3 juta

<sup>C</sup> Jumlah digabung membawa kepada perubahan pada tahun ini bernilai RM49.9 juta

<sup>#</sup> Jumlah Bersih Pembiayaan

### 5.3 Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund

#### a Nilai Aset (NAB) pada 31 Disember 2021

	2020 RM juta	Perubahan RM juta	2021 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	1,000.0	-	1,000.0
<b>B. Modal Dipanggil</b>	35.0	64.6	99.6
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	-	-	-
<b>D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)</b>	35.0	64.6	99.6
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	-	-	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	35.0	64.6	99.6
<b>Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	-	89.8	89.8
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	-	-	-
Perbelanjaan Faedah	-	-	-
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	-	89.8	89.8
Perbelanjaan Organisasi	(35.0)	(25.7)	(60.7)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	-	-	-
<b>Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(35.0)</b>	<b>64.1</b>	<b>29.1</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	-	128.7	128.7
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan - pada kos	-	46.2	46.2
Keuntungan Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	-	89.8	89.8
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	-	136.0	136.0
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Baki Kerja	-	(7.3)	(7.3)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	-	128.7	128.7
<b>Nilai Aset Bersih</b>	-	128.7	128.7
<b>H. Modal Diagihkan</b>	-	-	-
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	-	128.7	128.7
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>N/M#</b>		<b>N/M#</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>N/M#</b>		<b>N/M#</b>


\* Termasuk pengagihan modal untuk dilabur semula

# IRR Kasar dan IRR Bersih untuk Ekuinas Direct (Tranche IV) tidak dibentangkan kerana dana masih dalam peringkat awal pelaburan

## 6 Pengagihan

Jumlah yang diagihkan setakat 31 Disember 2021

RM 320.0 juta





**TONY ROMA'S**  
RIBS · SEAFOOD · STEAKS



**cosmopoint**  
COLLEGE OF TECHNOLOGY



Kuala Lumpur Metropolitan  
University College



#### REVENUE VALLEY SDN BHD

Jenis Pelaburan

**Pelaburan majoriti dalam syarikat  
Malaysia yang kukuh**

Tarikh Pemerolehan: **Januari 2012**

Pemilikan: **85.8%**

#### COSMOPPOINT GROUP

Jenis Pelaburan

**Pelaburan majoriti dalam syarikat  
Malaysia yang kukuh**

Tarikh Pemerolehan: **Mac 2012**

Pemilikan: **90.0%**

#### UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY

Jenis Pelaburan

**Pelaburan majoriti dalam syarikat  
Malaysia yang kukuh**

Tarikh Pemerolehan: **Mei 2012**

Pemilikan: **100.0%**

#### ICON OFFSHORE



**al-ikhsan**SPORTS

#### ICON OFFSHORE BHD

Jenis Pelaburan

**Pelaburan majoriti dalam syarikat  
Malaysia yang kukuh**

Tarikh Pemerolehan: **November 2012,**  
**penggabungan TKS dan**  
**Omni**

Pemilikan: **56.1%**

Pelupusan Separa: **Jun 2014**

#### ORKIM SDN BHD

Jenis Pelaburan

**Pelaburan buy-out aset bukan teras  
syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)**

Tarikh Pemerolehan: **Mac 2014**

Pemilikan: **95.5%**

#### AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD

Jenis Pelaburan

**Pelaburan dalam syarikat  
Malaysia yang kukuh**

Tarikh Pemerolehan: **Julai 2016**

Pemilikan: **35.0%**



#### DAVEX (MALAYSIA) SDN BHD

Jenis Pelaburan

**Pelaburan majoriti dalam  
syarikat Malaysia yang kukuh**

Tarikh Pemerolehan:  
**Disember 2017**

Pemilikan: **100.0%**



#### FLEXI VERSA GROUP SDN BHD

Jenis Pelaburan

**Pelaburan majoriti dalam  
syarikat Malaysia yang kukuh**

Tarikh Pemerolehan:  
**April 2018**

Pemilikan: **76.1%**



#### EXABYTES CAPITAL GROUP SDN BHD

Jenis Pelaburan

**Pelaburan dalam syarikat  
Malaysia yang kukuh**

Tarikh Pemerolehan:  
**Mac 2019**

Pemilikan: **45.4%**



#### MEDISPEC (M) SDN BHD

Jenis Pelaburan

**Pelaburan majoriti dalam  
syarikat Malaysia yang kukuh**

Tarikh Pemerolehan:  
**Februari 2021**

Pemilikan: **75.0%**

# AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD

**al-ikhshanSPORTS**

## JENIS PELABURAN

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

## TARIKH PEMEROLEHAN

Julai 2016

## PEMILIKAN

35.0%

## PROFIL

- Al-Ikhsan merupakan pembekal barangan sukan pelbagai jenama terkemuka dengan pemilikan 127 buah cawangan. Syarikat ini membekalkan peralatan sukan, pakaian dan kasut dari jenama terkenal seperti Adidas, Nike, Puma, Asics, Umbro dan Lotto
- Al-Ikhsan merupakan pemilik utama jenama AL dan memasarkan pelbagai barangan sukan di bawah tanda dagangan AL.

## RASIONAL PELABURAN

Pembekal barangan sukan pelbagai jenama terkemuka di Malaysia dengan pemilikan lebih daripada 35% bahagian pasaran

Pelaburan untuk pertumbuhan keuntungan melalui peningkatan operasi dan pertumbuhan jualan

	2021 Tidak Diaudit RM juta	2020 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	281.1	269.3	4.4
EBITDA sebelum EI	18.4	11.2	64.8

EI: Butiran Luar Biasa



## KUMPULAN PENDIDIKAN

### RASIONAL PELABURAN

Industri yang besar dengan potensi pertumbuhan yang kukuh

Kumpulan pendidikan yang mempunyai rekod prestasi yang tinggi



### KUMPULAN COSMOPOINT

#### JENIS PELABURAN

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

#### TARIKH PEMEROLEHAN

Mac 2012

#### PEMILIKAN

90.0%

#### PROFIL

- Ditubuhkan: 1991
- Lokasi: Kuala Lumpur + 11 kolej di seluruh negara
- Jenis Pendidikan: Pengajian Tinggi
- Pengkhususan: Program kursus berkaitan industri termasuk IT, Pengurusan Perniagaan, Seni Kulinari, Penyiaran dan Multimedia
- Populasi pelajar: Lebih daripada 3,000





### KUMPULAN PENDIDIKAN

	2021 Tidak Diaudit RM juta	2020 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	68.0	66.4	2.5
EBITDA sebelum EI	7.7	7.3	5.7
Bilangan Pelajar	9,516	8,084	17.7

EI: Butiran Luar Biasa



## UNIVERSITI ANTARABANGSA UNITAR

### JENIS PELABURAN

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

### TARIKH PEMEROLEHAN

May 2012

### PEMILIKAN

100.0%

### PROFIL

- Ditubuhkan: 1997
- Lokasi: Selangor + 13 pusat serantau bebas
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi dan kursus pensijilan profesional
- Pengkhususan: Program Akademik di peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran serta Program Kelayakan Mikro melalui platform pembelajaran dalam talian dan sesi latihan korporat. Mod penyampaian yang fleksibel termasuk dalam talian, konvensional dan hibrid untuk terus menyokong komitmen terhadap pembelajaran sepanjang hayat.
- Populasi Pelajar: Lebih kurang 5,000



## REVENUE VALLEY SDN BHD

**TONY ROMA'S**  
RIBS • SEAFOOD • STEAKS



[www.manhattanfishmarket.com](http://www.manhattanfishmarket.com)



[www.nysteakshack.com](http://www.nysteakshack.com)

### RASIONAL PELABURAN

Pelaburan di dalam jenama makanan dan minuman *F&B* yang kukuh

Pelaburan di dalam industri *F&B*, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna

Kehadiran antarabangsa melalui francais di negara seperti Singapura, Sri Lanka, Myanmar, Jordan dan UAE



Kumpulan pengurusan yang berpengalaman dan peluang membentuk dan membangun pengurus profesional muda

REVENUE VALLEY SDN BHD

	2021 Tidak Diaudit RM juta	2020 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	60.5	57.8	4.7
EBITDA sebelum EI	5.8	(1.9)	>100.0

EI: Butiran Luar Biasa



JENIS PELABURAN

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

TARIKH PEMEROLEHAN

Januari 2012

PEMILIKAN

85.8%

DITUBUHKAN

2002

JENIS

Makanan kasual dan restoran perkhidmatan segera (QSR)

**33**

Outlet Milik Korporat

**17**

Francais



# ICON OFFSHORE BERHAD

## ICON OFFSHORE

### JENIS PELABURAN

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

### TARIKH PEMEROLEHAN

November 2012, penggabungan antara TKS dan Omni

### PEMILIKAN

56.1%

### DITUBUHKAN

Jun 2014

### PROFIL

- Icon Offshore Berhad (ICON) ialah syarikat penyedia perkhidmatan Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) terbesar di Malaysia dan antara yang terbesar di Asia Tenggara dari segi jumlah kapal OSV.
- Memiliki 20 kapal aktif yang beroperasi di perairan Malaysia dan Brunei. Kapal-kapal itu mempunyai sejarah operasi antarabangsa di Asia Tenggara.
- Memiliki dan mengendalikan pelantar penggerudian jack-up di perairan Malaysia, yang telah diperolehi pada Januari 2021.

### RASIONAL PELABURAN

Rekod prestasi yang kukuh dengan syarikat minyak nasional, Petronas dan syarikat minyak antarabangsa di Malaysia dan Brunei

Kepelbagaian hasil dan peningkatan *wallet share* daripada pelanggan melalui pemerolehan pelantar penggerudian *jack-up*

Platform untuk membina salah sebuah syarikat peneraju OSV serantau dan integrasi O&G syarikat perkhidmatan integrasi menyaksikan

	2021 Tidak Diaudit RM juta	2020 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	300.9	210.2	43.1
EBITDA sebelum EI	141.9	89.3	58.8
PAT sebelum EI	28.1	3.0	>100.0

EI: Butiran Luar Biasa



# ORKIM SDN BHD



## RASIONAL PELABURAN

Syarikat peneraju Malaysia dalam industri logistik marin dengan kehadiran serantau.

Rekod prestasi dengan syarikat minyak utama termasuk Petronas, Shell dan BHP

Pasukan pengurusan yang berpengalaman luas dengan peluang untuk mengembangkan lagi keupayaan dalaman

	2021 Tidak Diaudit RM juta	2020 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	183.8	176.8	4.0
EBITDA sebelum EI	88.2	94.8	-7.0

EI: Butiran Luar Biasa

### JENIS PELABURAN

Pelaburan Buy-out aset bukan teras Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

### TARIKH PEMEROLEHAN

Disember 2014

### PEMILIKAN

95.5%

### PROFIL

- Salah sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) terkemuka di Malaysia.
- Rekod pertumbuhan yang kukuh dengan 20 kapal di bawah pemilikan dan pengurusan
- Mengangkut CPP/LPG dari kilang penapisan ke pelbagai terminal penyimpanan minyak di seluruh Malaysia dan serantau, dengan anggaran bahagian pasaran lebih daripada 20%.



# DAVEX (MALAYSIA) SDN BHD



## JENIS PELABURAN

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

## TARIKH PEMEROLEHAN

Disember 2017

## PEMILIKAN

100.0%

## PROFIL

- Syarikat reka bentuk, perundingan dan pembuatan lampu tempatan, ditubuhkan pada 1983.
- Fokus di dalam segmen luminar dan menyediakan kelengkapan pencahayaan menyeluruh untuk pelanggan sektor komersil, perindustrian dan kediaman. Syarikat beroperasi di bawah jenama Davis Lighting.
- Menyiapkan projek berskala besar yang terkenal seperti KLCC, Pejabat Putrajaya, Terminal 4 Lapangan Terbang Changi (Singapura), Lembaga Pembangunan Perumahan (Singapura) dan Tempat Letak Kereta Lapangan Terbang Brisbane (Australia).

## RASIONAL PELABURAN

Pelaburan di dalam pasaran luminar yang berkembang pesat

Kehadiran pasaran yang kukuh di Malaysia, Singapura dan Australia. Perkhidmatan untuk pasaran serantau dibekal oleh pejabat di Australia dan Singapura

	2021 Tidak Diaudit RM juta	2020 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	76.0	73.6	3.2
EBITDA sebelum EI	(16.9)	(10.9)	n/m

EI: Butiran Luar Biasa



# FLEXI VERSA GROUP SDN BHD



## JENIS PELABURAN

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

## TARIKH PEMEROLEHAN

April 2018

## PEMILIKAN

76.1%

## PROFIL

- Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG) terlibat dalam reka bentuk, pembuatan & pemasangan produk pengguna, pengacuan suntikan, pemotongan mati termoplastik / komponen elektro-mekanikal, pemasangan papan litar bercetak dan pembuatan antara muka digital grafik untuk industri elektrik dan elektronik.
- Operasi FVG merentasi 11 kilang dan pejabat serantau di Malaysia, Singapura, Indonesia, Vietnam dan Filipina.

## RASIONAL PELABURAN

Hubungan kukuh dengan Pengilang Besar Peralatan Asal (OEM)

Keupayaan pembuatan yang pelbagai dengan kehadiran di pasaran serantau

	2021 Tidak Diaudit RM juta	2020 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	204.3	206.3	-1.0
EBITDA sebelum EI	25.9	23.2	11.7

*EI: Butiran Luar Biasa*



# EXABYTES CAPITAL GROUP SDN BHD



## JENIS PELABURAN

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

## TARIKH PEMEROLEHAN

Mac 2019

## PEMILIKAN

45.4%

## PROFIL

- Ditubuhkan pada tahun 2001 dengan tumpuan untuk menjadi pusat penyelesaian sehenti untuk keperluan pelanggan akhir dalam urusan mengembangkan perniagaan mereka dalam talian. Produk teras termasuk pendaftaran domain, penghosan web, reka bentuk laman web, pelayan/VPS, penyelesaian awan dan perkhidmatan pemasaran digital.
- Peneraju pasaran di Malaysia dan pemain terkemuka di Singapura dan Indonesia, digabungkan dengan lebih 140,000+ pelanggan PKS aktif, 60,000+ akaun penghosan dan 200,000+ domain di bawah pengurusan.

## RASIONAL PELABURAN

Potensi untuk menjadi peneraju pasaran Asia Tenggara dalam bidang penghosan internet dan awan untuk SME

Prospek pertumbuhan industri masa depan yang mantap, didorong oleh pendigitalan korporat dan pengembangan ekonomi internet

	2021 Tidak Diaudit RM juta	2020 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	88.5	77.2	14.7
EBITDA sebelum EI	15.8	13.9	13.5

EI: Butiran Luar Biasa





# MEDISPEC (M) SDN BHD



## JENIS PELABURAN

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

## TARIKH PEMEROLEHAN

Januari 2021

## PEMILIKAN

75.0%

## PROFIL

- Ditubuhkan pada 1985 dengan pusat operasi di Petaling Jaya, Selangor & Pulau Pinang.
- Pengedar dan pemasar terkemuka produk farmaseutikal & suplemen kesihatan.
- Memasarkan lebih daripada 100 ubat farmaseutikal yang berbeza dan lebih 30 suplemen kesihatan di bawah jenama label peribadi Vitamode yang berkembang pesat.

## RASIONAL PELABURAN

Pelaburan dalam peneraju pengedar dan pemasar produk farmaseutikal & suplemen kesihatan terkemuka dengan kehadiran pasaran melalui pelbagai saluran yang kukuh

Saluran produk yang sihat dengan potensi pertumbuhan yang kukuh

	2021 Tidak Diaudit RM juta	2020 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	91.8	70.9	29.5
EBITDA sebelum EI	20.6	13.1	56.8

EI: Butiran Luar Biasa







## C PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

### 1. Gambaran Keseluruhan Dana

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND		EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND	
Tahun Penubuhan: <b>2011</b>		Tahun Penubuhan: <b>2013</b>	
Status: <b>Dilaburkan</b>		Status: <b>Dilaburkan</b>	
MODAL DI KOMITED			
Ekuinas <b>RM400.0 Juta</b>  Lain-lain LPs <b>RM151.9 Juta</b>  Jumlah <b>RM551.9 Juta</b>		Ekuinas <b>RM240.0 Juta</b>  Lain-lain LPs <b>RM110.1 Juta</b>  Jumlah <b>RM350.1 Juta</b>	
Tempoh <b>6 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun</b>	Tempoh Pelaburan <b>3 tahun hingga 6 tahun</b>	Tempoh <b>7 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun</b>	Tempoh Pelaburan <b>3 tahun hingga 7 tahun</b>
Tumpuan Pelaburan <b>Modal Pertumbuhan Malaysia</b>			
Keutamaan Sektor <b>Minyak &amp; Gas, Pendidikan, FMCG, Runcit &amp; Riadah, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan</b>			

### 2. Pengurus Dana Sumber Luar Yang Dilantik (OFMs)

			
NAVIS CAPITAL PARTNERS	TAEL PARTNERS	RM CAPITAL PARTNERS (RMCP)	COPE PRIVATE EQUITY
<b>Nama Dana</b> Navis Malaysia Growth Opportunities Fund 1, L.P.	<b>Nama Dana</b> TAEL Tijari (OFM) L.P.	<b>Nama Dana</b> RMCP One Sdn Bhd	<b>Nama Dana</b> COPE Opportunities 3 Sdn Bhd
<b>Saiz Dana</b> RM301.9 juta	<b>Saiz Dana</b> RM101.0 juta	<b>Saiz Dana</b> RM109.1 juta	<b>Saiz Dana</b> RM80.0 juta

### 3 Aktiviti Pelaburan

#### a. Kumulatif Aktiviti Pelaburan Program Sumber Luar pada 31 Disember 2021

RM juta	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan Bersama Pelabur Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah		
Atelier Asia Sdn Bhd (Atelier)*	Navis MGO	FMCG	15.0	6.5	21.5	-	21.5
MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO)*	Navis MGO	Peruncitan & Percutian	16.8	4.2	21.0	119.7	140.7
SEG International (SEGi)*	Navis MGO	Pendidikan	43.5	19.0	62.5	214.5	277.0
Strateq Sdn Bhd (Strateq)*	Navis MGO	Perkhidmatan	39.0	22.5	61.5	-	61.5
HG Power Transmission Sdn Bhd (HGPT)*	Navis MGO	Perkhidmatan	30.1	13.2	43.3	-	43.3
Brickfields Asia College (BAC)	Navis MGO	Pendidikan	34.8	15.2	50.0	-	50.0
Macroiosk Sdn Bhd (Macroiosk)	CNEF	Perkhidmatan	21.1	13.3	34.4	-	34.4
R.E.A.L Education Group (REAL)	CNEF	Pendidikan	28.1	4.9	33.0	-	33.0
Mega Fortris Innovation (Malaysia) Sdn Bhd (Mega Fortris)	TAP	Pembuatan	18.0	7.0	25.0	-	25.0
Big Sdn Bhd (Big Group)	Navis MGO	F&B dan Peruncitan	17.6	4.4	22.0	-	22.0
<b>Jumlah Pelaburan Yang Dilaksanakan - Tranche I</b>			<b>264.0</b>	<b>110.2</b>	<b>374.2</b>	<b>334.2</b>	<b>708.4</b>
STX Precision Corporation Sdn Bhd (STX)	COPE	Perkhidmatan	12.0	4.0	16.0	19.0	35.0
Consobiz Ventures Sdn Bhd (Consobiz)	RMCP	FMCG	8.3	6.7	15.0	-	15.0
Excelvite Sdn Bhd (Excelvite)	TAEL	Pembuatan	5.9	4.1	10.0	-	10.0
Romstar Sdn Bhd (Romstar)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
Packerman Sdn Bhd (Packerman)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
MBG Holdings Sdn Bhd (MBG)	COPE	F&B dan Peruncitan	7.5	2.5	10.0	-	10.0
My Sutera Holding Sdn Bhd (MySutera)	COPE	Pembuatan	11.3	3.7	15.0	-	15.0
Tanamera Group Sdn Bhd (Tanamera)	RMCP	FMCG	6.6	5.4	12.0	-	12.0
<b>Jumlah Pelaburan Yang Dilaksanakan - Tranche II</b>			<b>75.6</b>	<b>46.0</b>	<b>121.6</b>	<b>19.0</b>	<b>140.6</b>
<b>Kumulatif Jumlah Pelaburan Yang Dilaksanakan</b>			<b>339.6</b>	<b>156.2</b>	<b>495.8</b>	<b>353.2</b>	<b>849.0</b>

\* termasuk pelaburan susulan

#### 4 Prestasi Dana

##### 4.1 Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

Nilai Aset Bersih (NAB) pada 31 Disember 2021

	2020 RM juta	Pergerakan RM juta	2021 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>400.0</b>	-	<b>400.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>307.7</b>	-	<b>307.7</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	<b>29.8</b>	<b>0.1</b>	<b>29.9</b>
<b>D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)</b>	<b>337.5</b>	<b>0.1</b>	<b>337.6</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	-	-	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>337.5</b>	<b>0.1</b>	<b>337.6</b>
<b>Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	52.1	(24.5)	27.6
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	9.9	23.0	32.9
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	-	-	-
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>62.0</b>	<b>(1.5)</b>	<b>60.5</b>
Perbelanjaan Organisasi	(13.7)	-	(13.7)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(312.6)	(0.1)	(312.7)
<b>(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(264.2)</b>	<b>(1.6)</b>	<b>(265.9)</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>73.2</b>	<b>(1.4)</b>	<b>71.7</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan - pada kos	14.8	(14.8)	-
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	52.1	(24.5)	27.6
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>66.9</b>	<b>(39.4)</b>	<b>27.6</b>
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Baki Kerja	6.4	37.8	44.2
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>73.2</b>	<b>(1.4)</b>	<b>71.7</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>73.2</b>	<b>(1.4)</b>	<b>71.7</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	<b>282.8</b>	-	<b>282.8</b>
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>356.0</b>	<b>(1.4)</b>	<b>354.5</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>3.4%</b>		<b>3.3%</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>2.6%</b>		<b>2.5%</b>

\* Termasuk pengagihan modal untuk dilabur semula

#### 4.2 Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund

##### Nilai Aset Bersih (NAB) pada 31 Disember 2021

	2020 RM juta	Pergerakan RM juta	2021 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>240.0</b>	-	<b>240.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>95.7</b>	<b>0.9</b>	<b>96.6</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	-	-	-
<b>D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)</b>	<b>95.7</b>	<b>0.9</b>	<b>96.6</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	-	-	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>95.7</b>	<b>0.9</b>	<b>96.6</b>
<b>Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(9.9)	7.8	(2.1)
Kerugian Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	(2.3)	-	(2.3)
Pendapatan faedah/(perbelanjaan)	-	-	-
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>(12.2)</b>	<b>7.8</b>	<b>(4.4)</b>
Perbelanjaan Organisasi	(7.1)	(0.9)	(8.0)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(3.2)	(17.0)	(20.3)
<b>(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(22.5)</b>	<b>(10.2)</b>	<b>(32.7)</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>73.2</b>	<b>(9.3)</b>	<b>63.9</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan - pada kos	76.6	(12.1)	64.5
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(9.9)	7.8	(2.1)
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>66.7</b>	<b>(4.3)</b>	<b>62.4</b>
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Baki Kerja	6.5	(5.0)	1.6
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>73.2</b>	<b>(9.3)</b>	<b>63.9</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>73.2</b>	<b>(9.3)</b>	<b>63.9</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	-	<b>20.3</b>	<b>20.3</b>
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>73.2</b>	<b>11.0</b>	<b>84.2</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>-2.8%</b>		<b>-0.8%</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>-4.1%</b>		<b>-2.0%</b>

\* Termasuk pengagihan yang dianggap untuk modal yang dilaburkan semula

SYARIKAT PORTFOLIO DI BAWAH PROGRAM PENYUMBERAN LUAR



**SEG INTERNATIONAL BERHAD (SEGi)**

**Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners  
Sektor: Pendidikan  
Tarikh Pemerolehan: Mac 2012



**CONSOBIZ VENTURES SDN BHD**

**Butiran Transaksi**

OFM: RM Capital Partners  
Sektor: Barangan Pengguna Laris (FMCG)  
Tarikh Pemerolehan: Februari 2014



**BIG SDN BHD (F&B)**

**Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners  
Sektor: F&B  
Tarikh Pemerolehan: Disember 2014



**EXCELVITE SDN BHD**

**Butiran Transaksi**

OFM: TAEI Capital Partners  
Sektor: Pembuatan  
Tarikh Pemerolehan: April 2015



**ROMSTAR SDN BHD**

**Butiran Transaksi**

OFM: RM Capital Partners  
Sektor: Pembuatan  
Tarikh Pemerolehan: Januari 2016



**PACKERMAN SDN BHD**

**Butiran Transaksi**

OFM: RM Capital Partners  
Sektor: Pembuatan  
Tarikh Pemerolehan: Julai 2016



**TANAMERA GROUP SDN BHD**

**Butiran Transaksi**

OFM: RM Capital Partners  
Sektor: Barangan Pengguna Laris (FMCG)  
Tarikh Pemerolehan: April 2017

## D PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

### a. Nilai Ekuiti Bumiputera dan Jumlah Nilai Ekonomi

Jumlah Syarikat Portfolio	BUMIPUTERA				JUMLAH SYARIKAT			
	Ex Ante	Pada 31 Dec	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan Modal Pelaburan Ekuinas	Ex Ante	Pada 31 Dec	Nilai Ekonomi yang Dicipta	Gandaan Modal Pelaburan Ekuinas
<b>2021</b>	<b>2,381.4</b>	<b>6,066.8</b>	<b>5,874.7</b>	<b>1.5x</b>	<b>5,791.8</b>	<b>8,361.8</b>	<b>7,694.6</b>	<b>2.0x</b>
2020	2,381.4	5,756.1	5,557.5	1.4x	5,754.2	7,684.9	6,986.2	1.8x

### b. Syarikat Portfolio – Pengurusan dan Pekerja

	Bumiputera Bilangan Kepala	Jumlah Bilangan Kepala	% Bumiputera Kepada Jumlah Bilangan Kepala	% Peningkatan dalam Bilangan Kepala Bumiputera daripada Ex Ante
<b>2021</b>				
<b>Pengurusan</b>	<b>234</b>	<b>721</b>	<b>32.5%</b>	<b>19.4%</b>
<b>Pekerja</b>	<b>9,714</b>	<b>16,828</b>	<b>57.7%</b>	<b>12.3%</b>
<b>2020</b>				
Pengurusan	222	664	33.4%	13.3%
Pekerja	9,538	16,501	57.8%	10.5%

## E EKUITI NASIONAL BERHAD – SYARIKAT PENGURUSAN DANA

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana)	2021 RM juta	2020 RM juta
Jumlah Dana Di Bawah Pengurusan (FuM)	<b>4,140.0</b>	4,140.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	<b>33.7</b>	45.8*
Nisbah OPEX kepada FuM	<b>0.8%</b>	1.1%*
Keuntungan selepas Cukai dan Zakat (PATZ)	<b>12.1</b>	0.4*

\* Termasuk sumbangan berkaitan COVID-19 sebanyak RM 4.7 Juta

# TADBIR URUS KORPORAT

---





# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## PENGENALAN

Sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti swasta berkaitan kerajaan, Ekuinas komited sepenuhnya terhadap tadbir urus yang baik, ketelusan dan pelaporan yang berkualiti dalam Laporan Tahunannya. Walaupun Ekuinas bukan entiti tersenarai awam, ia mematuhi prinsip tadbir urus korporat yang relevan seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia), Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2021 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Kod) dan garis panduan lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh badan kawal selia.

Informasi di bawah seksyen ini telah disediakan berpandukan kepada prinsip pendedahan dan panduan amalan terbaik korporat yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia dalam Keperluan Penyenaian Pasaran Utama (MMLR), MCCG 2021 serta Dasar Pendedahan Ekuinas. Kenyataan ini bertujuan untuk menyediakan pihak berkepentingan Ekuinas dengan maklumat peringkat tinggi yang bermakna dan penting tentang keadaan amalan tadbir urus Ekuinas, dengan tumpuan kepada tiga (3) prinsip utama dalam Kod iaitu Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga, Audit Berkesan dan Pengurusan Risiko dan Integriti dalam Pelaporan Korporat dan Hubungan Bermakna dengan Pihak Berkepentingan.

### RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited kepada Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas dan menyokong amalan tadbir urus yang baik kepada semua syarikat portfolio.

Rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah adalah berdasarkan prinsip berikut:

### MENGGALAKKAN

ketelusan, kebertanggungjawaban dan tindakan responsif.

### MENGUKUHKAN

penciptaan nilai jangka masa panjang dan mengimbangi antara risiko dan pulangan.

### MENGGALAKKAN

inovasi dan keusahawanan di dalam Syarikat dengan penyeliaan yang cekap dan rangka kerja pengurusan risiko.



Imbas kod QR ini untuk membaca bahagian Tadbir Urus Korporat di laman web Ekuinas.

### RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS




Ekuinas mengiktiraf peranan penting semua Ahli Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusannya dalam merumus dan menentukan hala tuju serta operasi Ekuinas, Ekuinas diterajui dan diurus oleh Lembaga Pengarah yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi dari pelbagai latar belakang meliputi sektor Kerajaan dan swasta, dan peranan mereka amat penting dalam menentukan hala tuju strategik Ekuinas.

Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tertinggi tadbir urus korporat diamalkan dan diperbaiki lagi untuk meningkatkan perlindungan pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah menerima pakai Piagam Tadbir Urus yang mentakrifkan prinsip tadbir urus utama yang perlu dipatuhi oleh Lembaga Pengarah dan Syarikat. Piagam tersebut antara lain menyenaraikan perkara-perkara berikut:-

<b>Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah</b>	<b>Mesyuarat dan Sokongan Lembaga Pengarah</b>	<b>Perwakilan Kuasa</b>
<b>Komposisi Lembaga Pengarah</b>	<b>Pengasingan Kuasa</b>	<b>Pengurusan dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan</b>
<b>Jawatankuasa Lembaga Pengarah</b>	<b>Kod Perilaku</b>	<b>Proses Audit dan Kawalan Dalaman</b>

Piagam Tadbir Urus yang diterima pakai menetapkan nilai, prinsip dan etos utama Ekuinas. Piagam ini bukan sahaja sebagai peringatan tentang peranan dan tanggungjawab Lembaga, tetapi juga sebagai pernyataan umum tentang hasrat dan jangkaan tentang bagaimana Lembaga akan melaksanakan tugas mereka.



#### TANGGUNGJAWAB DAN HAD BIDANG KUASA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif jelas diasingkan dan dipegang oleh individu yang berasingan untuk memastikan keseimbangan kuasa yang sesuai. Pemisahan peranan yang jelas menggalakkan perbincangan yang membina, keberkesanan keputusan-keputusan yang dibuat dan meningkatkan akauntabiliti. Menggabungkan kedua-dua jawatan boleh menyebabkan tindakan berat sebelah dan menjejaskan keupayaan dan kesanggupan Pengarah Bebas untuk melaksanakan pertimbangan yang bebas. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif semasa tidak mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang merupakan seorang bukan eksekutif, mengetuai dan menyelia kerja Lembaga Pengarah di mesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan Lembaga Pengarah,

organisasi dan kecekapan organisasi, serta memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah dikekalkan. Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah untuk pembangunan dan pelaksanaan strategi, dasar, perniagaan dan perilaku Ekuinas.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang kesemuanya merupakan individu yang berkelayakan dan cemerlang, membawa kepada Lembaga pengetahuan mendalam dalam bidang masing-masing. Mereka tidak mengambil bahagian dalam operasi harian dan tidak terlibat dalam sebarang urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Ekuinas untuk memastikan bahawa mereka mampu melaksanakan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan terbaik Ekuinas. Profil ahli Lembaga disertakan pada halaman 41 Laporan Tahunan ini.

## KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH


Memandangkan Kerajaan Malaysia secara tidak langsung adalah pemegang saham muktamad Syarikat, sebagai tambahan kepada definisi yang ditetapkan dalam MMLR, Lembaga Pengarah juga mempertimbangkan sebagai sebahagian daripada kriterianya mengenai Pengarah Bebas, ahli yang sedang dalam perkhidmatan kerajaan (dan telah berkhidmat selama dua tahun lepas) sebagai tidak bebas.

Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan perwakilan Pengarah Bebas yang kukuh dalam Lembaga serta memastikan objektiviti terhadap semua isu yang dibincangkan. Struktur semasa Lembaga dan integriti setiap Pengarah memastikan tiada individu atau kumpulan yang mendominasi proses membuat keputusan.


Lembaga diterajui oleh ahli Lembaga yang aktif dan berpengalaman dengan latar belakang profesional yang pelbagai termasuk industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam menerajui hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas sebagai organisasi pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia.

Pada 31 Disember 2021, Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh (7) ahli, di mana majoriti daripadanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Dua daripada pengarah bebas telah berkhidmat selama tempoh sembilan (9) tahun secara kumulatif, bagaimanapun, setelah dinilai oleh Lembaga Pengarah dan setelah memenuhi kriteria kebebasan, mereka dikekalkan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

### KUMPULAN UMUR PENGARAH



### TEMPOH BERKHIDMAT KUMULATIF (TAHUN)



### Pelantikan dan Pemilihan Semula Lembaga Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC), demi memastikan saiz Lembaga adalah kondusif untuk tujuan perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan serta memastikan bahawa Lembaga mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

NRC menentukan dan menyemak profil ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau Pengarah baru perlu dilantik, NRC akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. NRC akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyenarai pendek calon-calon yang mempunyai profil bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, NRC juga boleh memohon nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan majoritinya adalah Pengarah Bebas. Maklumat terperinci mengenai skop dan fungsi NRC boleh didapati di halaman 91 di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

#### Kebebasan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah, melalui NRC, menjalankan penilaian ke atas kebebasan dan sikap berkecuali semua Pengarah Bebas sepanjang tahun kewangan untuk memastikan pertimbangan bebas dilaksanakan demi kepentingan terbaik Syarikat. Pengarah Bebas mempunyai kewajipan untuk mengisytiharkan kebebasan mereka dan memaklumkan kepada Lembaga mengenai sebarang kemungkinan konflik kepentingan. Penilaian kebebasan berpandukan takrifan "pengarah bebas" seperti yang ditetapkan oleh MMLR Bursa Malaysia.

#### Keberkesanan Lembaga Pengarah

Menyadari kepentingan penilaian berkala dalam menentukan keberkesanan Lembaga Pengarah, NRC pada tahun 2021 telah menjalankan Penilaian Keberkesanan Lembaga (BEE) dengan bantuan jabatan Perundangan Syarikat dan CGRM. Prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya, termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif telah disemak melalui soal selidik dan penilaian sendiri mengenai bidang-bidang utama termasuk Tanggungjawab Lembaga Pengarah, Komposisi dan Pentadbiran Lembaga Pengarah, Tatakelakuan Lembaga Pengarah, Interaksi dan Komunikasi Lembaga Pengarah, serta Struktur dan Proses.

Keputusan BEE untuk TK2020/2021 adalah positif, mengesahkan bahawa Lembaga Pengarah berkesan dalam peranan menyediakan panduan strategik, dan pemantauan pelaksanaan, sambil mengekalkan tugas fidusiari mereka. Lembaga Pengarah mengambil tindakan segera dalam menangani bidang penambahbaikan yang diketengahkan dalam laporan itu termasuk penambahbaikan kepada komposisi Lembaga dan perancangan penggantian untuk Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan

### TANGGUNGJAWAB DAN HAD KUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menetapkan Had Kuasa yang merizabkan kuasa penuh membuat keputusan kepada Lembaga mengenai perkara khusus seperti:

- i. Pemerolehan dan pelupusan pelaburan;
- ii. Rancangan tahunan, belanjawan dan strategi Syarikat;
- iii. Dasar-dasar utama, prosedur dan delegasi pihak berkuasa; dan
- iv. Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Selain daripada urusan yang secara khusus memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah juga meluluskan urusan niaga yang melebihi had nilai ambang tertentu, sambil mewakili kuasa untuk urusan niaga di bawah had tersebut kepada Pengurusan untuk mengoptimumkan kecekapan operasi.

Sejak diperbadankan, Ekuinas tetap komited dan mengamalkan pelaburan yang mampan dalam semua aktiviti pelaburannya. Dalam konteks ini, Lembaga Pengarah telah sedar akan tanggungjawabnya termasuk menetapkan strategi, keutamaan dan sasaran kemampanan syarikat. Pada TK2021, Lembaga Pengarah telah merasmikan rangka kerja ESG Ekuinas dan pendekatan pelaksanaannya. Butiran rangka kerja dan matlamat kemampanan yang diluluskan dibentangkan di halaman 32 Laporan ini.

## JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:

### a. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko;

### b. Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;

### c. Jawatankuasa Pelaburan;

### d. Jawatankuasa CSR.

Fungsi dan Bidang Tugas (TOR) bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan di mana berkenaan, mematuhi saranan Kod. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskini.

Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan TOR utamanya adalah seperti berikut:

### a. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif:

Pengerusi: Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff

Ahli : Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan  
: Datuk Ali Abdul Kadir  
: Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Hussien\*

\* Berkuatkuasa 24 Mac 2021.

Butiran lanjut berkenaan TOR dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 92 Laporan Tahunan ini.

### b. Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, dan seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di mana kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:

Pengerusi: Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Ahli : Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda  
: Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed\*  
: Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Hussien\*  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif – Perwakilan Kerajaan)

\* Berkuatkuasa 24 Mac 2021.

Sebanyak tiga (6) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 93.

### Bidang Tugas dan Tanggungjawab

Tanggungjawab utama NRC, selaras dengan bidang tugasnya, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dengan perkara-perkara berkaitan pelantikan dan ganjaran, antara yang lain merangkumi:

- Pelantikan pengarah, pengurusan kanan dan memudahkan program induksi untuk pengarah baharu dan program latihan yang sesuai untuk melatih dan melengkapkan Pengarah baharu dan sedia ada secara berterusan;
- Mengkaji gabungan kemahiran, pengalaman, kecekapan teras dan kualiti lain yang diperlukan untuk memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah Ekuinas;
- Menentukan kerangka atau dasar yang luas untuk pakej ganjaran CEO, dan ahli anggota Pengurusan yang lain seperti yang ditetapkan untuk dipertimbangkan;
- Mengkaji ganjaran para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif untuk memastikannya selaras dengan pasaran dan mencerminkan pengalaman dan kepakaran yang setanding dengan tugas dan tanggungjawab mereka.
- Mengkaji mana-mana perubahan besar dalam struktur faedah pekerja di Syarikat, dan jika difikirkan sesuai, mencadangkan kepada Lembaga untuk diterima pakai; dan
- Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja untuk skim insentif tahunan Syarikat untuk diterapkan.

Terma Terperinci Rujukan NRC boleh didapati di <https://www.ekuinas.com.my/governance>

### Ringkasan Aktiviti pada tahun 2021

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, NRC melaksanakan beberapa aktiviti utama seperti berikut:

- Menjalankan penilaian tahunan ke atas komposisi dan kebebasan Pengarah Bebas;
- Menyemak dan mempertimbangkan pelantikan/pembaharuan kontrak Pengurusan Kanan Ekuinas;
- Menimbang dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas untuk FYE2020, Pembayaran Bonus dan Peningkatan Merit untuk 2021; dan
- Menyemak Cadangan Rangka Kerja KPI untuk FYE 2021.
- Menjalankan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEE) untuk TK2020 - 2021
- Berbincang dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Pelan Pengekalan Bakat Ekuinas
- Berbincang dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pembaharuan/pelantikan Pengarah Ekuinas
- Berbincang dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah semakan kepada ganjaran Pengarah Bukan Eksekutif Ekuinas

#### c. Jawatankuasa Pelaburan (IC)

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan sekurang-kurang satu (1) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur ini lazimnya dipraktikkan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan penyeliaan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan pelaburan yang profesional.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuk:-

- meluluskan cadangan bagi semua keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;
- meluluskan semua keputusan berkaitan pengurusan pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan yang berkaitan dengan pelaburan.

#### d. Jawatankuasa CSR (CC)

Jawatankuasa CSR (CC), yang dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan untuk mengkaji semula dan memantau program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ekuinas serta memastikan Syarikat melaksanakan tadbir urus dan kawalan dalaman bagi aktiviti CSR pada standard tertinggi. Kumpulan Pengurusan dikehendaki memaklumkan aktiviti-aktiviti dan program-program CSR kepada Jawatankuasa CSR dan/atau Lembaga Pengarah apabila diarahkan.

Tanggungjawab dan fungsi utama CC termasuk:

- mengkaji dan meluluskan program-program dan peruntukan untuk pelan tahunan CSR Ekuinas;
- memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti CSR; dan
- membincangkan sebarang isu mustahak berkaitan projek-projek CSR yang mempunyai risiko kewangan atau reputasi kepada Ekuinas.

#### e. Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC)

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC), yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada kumpulan Pengurusan Kanan, ditubuhkan untuk membantu ARMC dan Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. SMC bermesyuarat pada setiap suku tahun untuk mengkaji laporan risiko suku tahunan sebelum membentangkan laporan tersebut kepada ARMC.

### MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah.

Jadual bagi mesyuarat Lembaga Pengarah diserahkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk membolehkan perancangan awal dan mendapatkan komitmen masa daripada semua ahli Lembaga.



### Kehadiran di Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:


	Lembaga Pengarah	ARMC <sup>1</sup>	NRC <sup>2</sup>	IC <sup>3</sup>	CC <sup>4</sup>
Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Dihadiri				
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	9/9	-	6/6	-	-
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	9/9	5/5	6/6	-	-
Datuk Ali Abdul Kadir	8/9	4/5	-	1/1	-
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	9/9	5/5	-	-	2/2
Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed (Dilantik sebagai ahli NRC berkuat kuasa 24 Mac 2021)	9/9	-	4/5*	1/1	-
Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Hussien (Dilantik sebagai ahli ARMC RNRC berkuat kuasa 24 Mac 2021)	7/9	1/4*	2/5*	-	-
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir	9/9	-	-	1/1	-

**Nota**

- <sup>1</sup> ARMC – Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko
- <sup>2</sup> NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran
- <sup>3</sup> IC – Jawatankuasa Pelaburan
- <sup>4</sup> CC – Jawatankuasa CSR
- \* Mencerminkan bilangan mesyuarat selepas perantikan

### KOD PERILAKU

EkuiNAS telah menerima pakai Kod Etika Pengarah untuk semua ahli Lembaga Pengarah EkuiNAS yang berasaskan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Kod Etika Pengarah menetapkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat dan memastikan pematuhannya.



Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan bertanggungjawab diatas perkara-perkara berikut:

- bimbingan strategik kepada Ekuinas dan meneliti objektif-objektif yang disarankan serta strategi pencapaiannya;
- meningkatkan nilai jangka panjang bagi pihak berkepentingan Ekuinas di samping memelihara dan melindungi nilai-nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;
- memantau pengurusan Ekuinas secara efektif termasuk sistem kawalan dan akauntabilitinya;
- meluluskan dan memantau hala perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;
- mengkaji semula dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan dalaman serta kawalan, kod perilaku, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang serta dasar-dasar korporat penting yang lain;
- memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, di samping memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- melulus dan memantau laporan kewangan dan laporan-laporan lain-lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- melulus pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luaran.

### GANJARAN PARA PENGARAH

Objektif dasar Syarikat berkenaan ganjaran Pengarah adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah berkaliber tinggi yang diperlukan untuk menerajui Syarikat ke arah mencapai kejayaan. Bagi Pengarah Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, ganjaran adalah berdasarkan pengalaman dan bidang tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC mengesyorkan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butiran ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:

Ganjaran	Jumlah Keseluruhan (RM)
Gaji/Bayaran	2,726,720
Ganjaran lain (contoh, Elaun dan faedah lain)	768,966

Ganjaran yang dibayar kepada para pengarah sepanjang tahun dianalisis mengikut julat yang sesuai adalah seperti berikut:

Kadar ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
RM100,000 – RM200,000		6
Lebih RM1,000,000	1	

### LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan pendidikan berterusan untuk para Pengarah bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi dan menyelesaikan cabaran yang dihadapi. Program-program latihan, persidangan dan seminar yang relevan dan bermanfaat kepada para Pengarah dikenal pasti secara berterusan dan Syarikat memperuntukkan bajet yang khusus untuk latihan bagi menyokong pembangunan berterusan para Pengarah. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik berkaitan bidang atau industri tertentu.

Namun, akibat wabak COVID-19 dan kawalan pergerakan dan sekatan terhadap acara / dikenakan oleh kerajaan, jumlah kehadiran ke program latihan berkurang, lantas persidangan dan beberapa acara dijalankan melalui platform maya sebagai ganti.

Program latihan dan pembangunan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah, termasuk penglibatan mereka sebagai penceramah dalam konvensyen di dalam dan luar negara mengenai topik yang relevan kepada peranan mereka semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:



#### AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan laporan kewangan menyeluruh secara berkala. Lazimnya, pihak Pengurusan berusaha untuk mengemukakan agenda mesyuarat bersama satu set kertas kerja Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan kepada ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini adalah untuk memberi masa yang secukupnya kepada ahli Lembaga Pengarah untuk mengkaji, menimbang dan memahami dengan lebih dalam perkara-perkara yang akan dibincangkan sebelum mesyuarat diadakan. Justeru, perbincangan mesyuarat akan lebih tertumpu kepada soalan-soalan berkaitan perkara-perkara berbangkit.

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya:

- i. Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
- ii. Kesemua Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah terdahulu;
- iii. Laporan hal-hal yang berbangkit;
- iv. Laporan berkenaan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
- v. Laporan kewangan suku tahunan dan laporan prestasi Pelaburan Syarikat; dan
- vi. Perkara penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

CEO, dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh memohon nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan ketersediaan maklumat dan nasihat yang lengkap sebelum keputusan penting diambil.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

#### INTEGRITI DALAM LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah berhasrat untuk menyediakan dan membentangkan laporan penilaian prestasi kewangan syarikat yang seimbang dan bermakna dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dibantu oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menyelia proses dan kualiti laporan kewangan, di samping mengkaji semula dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga mengkaji kesesuaian dan perubahan kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat, serta memastikan penyata kewangan ini mematuhi keperluan dan peraturan perakaunan serta amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, dan ini adalah satu forum di mana juruaudit luar boleh menyatakan, antara lain, sebarang kebimbangan mengenai aspek pematuhan penyata kewangan. Semua piawaian perakaunan yang berkaitan telah diterima pakai, tertakluk kepada apa-apa penjelasan bagi perbezaan ketara yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

### KEBEBASAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, telah mewujudkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan mengkaji pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit, serta membuat cadangan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan keperluan amalan terbaik.

Lembaga Pengarah menyedari potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar terlibat dalam menyediakan perkhidmatan selain dari audit kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko menilai prestasi, kebebasan dan bayaran juruaudit luar secara tahunan.

### PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN


Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang dapat menjamin secara munasabah, operasi yang cekap dan berkesan selaras dengan undang undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberikan gambaran tentang keseluruhan keadaan kawalan dalaman di dalam Syarikat, dibentangkan di halaman 98 dalam Laporan Tahunan ini.

### Fungsi Audit Dalaman

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan dalam had etika perniagaan dan standard tadbir urus yang baik. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga beroperasi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, ini menunjukkan komitmen Syarikat dalam memastikan kewibawaan rangka kerja tadbir urus.


Struktur pelaporan CGRM adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:



### Unit Integriti Dan Tadbir Urus (IGU)

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) dibawah Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) sebagai sokongan kepada Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dalam menggalakkan budaya yang lebih telus, bertanggungjawab dan berintegriti. NACP bertujuan untuk menghasilkan transformasi ke arah menjadi negara yang berintegriti dan bebas rasuah.

Lembaga Pengarah juga telah meluluskan pelantikan Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) sebagai Pegawai Integriti untuk Ekuinas. IGU bertanggungjawab untuk empat fungsi utama seperti diilustrasi di bawah dan melaporkan setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah dah hal-hal berkaitan integriti dan inisiatif-inisiatif anti rasuah.



### HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memenuhi peranan dan objektifnya sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Syarikat mengakui pentingnya untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti bagi menjayakan dan memastikan hubungan yang produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat. Oleh itu, Syarikat memberi penekanan kepada kepentingan pendedaran maklumat dan ketelusan kepada orang awam dan pihak berkepentingan.

### Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-Pihak Berkepentingan

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya. Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman sesawang sebagai saluran komunikasi utama untuk menyebarkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dan orang awam. Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses maklumat tersebut dengan mudah melalui laman sesawangnya [www.ekuinas.com.my](http://www.ekuinas.com.my). Sebarang pertanyaan mengenai Ekuinas boleh diajukan kepada:

Perkara Umum	Perkara Tadbir Urus Korporat	Saluran Pemberian Maklumat
Unit Komunikasi E-mel: <a href="mailto:info@ekuinas.com.my">info@ekuinas.com.my</a> Telefon: 03-7710 7171 Faks: 03-7710 7173	Unit Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko E-mel: <a href="mailto:governance@ekuinas.com.my">governance@ekuinas.com.my</a>	Laport maklumat E-mel: <a href="mailto:whistleblowing@ekuinas.com.my">whistleblowing@ekuinas.com.my</a>

Penyata Tadbir Urus Korporat ini selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 17 Mac 2022.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## Pengenalan

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaiaan Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR). Ini adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan terbaik, meskipun Syarikat tidak tertakluk kepada MMLR.

### TANGGUNGJAWAB

Dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mencukupi dan kukuh dan integriti yang memuaskan melalui proses kajian, pemantauan dan jaminan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa sistem ini hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap kerugian ketara, penipuan, kenyataan yang tidak tepat dan pelanggaran undang-undang atau peraturan.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah di mana tanggungjawab utamanya adalah untuk pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman; tugas ini dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Kanan dalam melaksanakan dasar-dasar dan prosedur ke atas risiko dan kawalan.

Lembaga Pengarah juga telah memastikan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ini terkandung dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat yang merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalaman dan Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalaman.

### Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman


CEO dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Ekuinas telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat beroperasi dengan berkesan dalam tahun kajian dan sehingga masa Penyata ini diluluskan.

### SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang menerangkan dengan jelas akauntibiliti dan kebertanggungjawaban untuk proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko, termasuk struktur tadbir urus atau penyeliaan Syarikat dan mengekalkan rangka kerja kawalan dalaman yang sesuai. Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau urusan strategik khusus serta memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Struktur dan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman diringkaskan seperti berikut:



### Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Lembaga Pengarah, melalui ARMC, menyelia semua aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat. Antara tanggungjawab utama ARMC adalah untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan dengan baik, menilai pendedahan risiko dan mengkaji isu-isu kawalan dalaman yang dinyatakan oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), pihak Pengurusan, dan juruaudit luar; dan mengkaji semula fungsi dan pelan kerja CGRM. Jabatan CGRM yang berfungsi sebagai audit dalaman Syarikat melapor terus kepada ARMC.

ARMC dianggotai oleh majoriti ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

### Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC)

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC) membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan yang utama dan menggariskan langkah-langkah mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga risiko syarikat-syarikat portfolionya.

Semua risiko penting yang dikenalpasti kemudiannya dinilai dan diberi Ranking berdasarkan kemungkinan ia berlaku berlandaskan Rangka Kerja berlandaskan Risiko Syarikat seperti yang diluluskan mengikut Dasar Pengurusan Risiko Ekuinas.

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab utama SMC berkaitan pengurusan risiko:

- menyemak dan mencadangkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan Syarikat dan syarikat portfolio kepada risiko serta menyarankan tindakan yang diperlukan;
- mengkaji prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat portfolio setiap suku tahun; dan
- mengkaji sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko.

Melalui perbincangan dengan setiap pasukan portfolio, ketua-ketua jabatan dan pihak pengurusan syarikat portfolio, inisiatif-inisiatif utama yang perlu dilakukan untuk mengurangkan risiko dikenal pasti. Laporan Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan dan dibentangkan kepada SMC dan ARMC pada setiap suku tahun. Laporan suku tahunan Pengurusan Risiko telah dibentangkan dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah.

**Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)**

Peranan CGRM adalah untuk membantu ARMC dan Pengurusan Syarikat menjalankan tugas secara berkesan dengan melaksanakan kawalan dalaman yang kos efektif, menilai risiko, mencadangkan cara untuk mengurangkan risiko tersebut dan memastikan proses tadbir urus korporat yang betul. Yang penting di dalam proses ini, CGRM akan memberi analisis, penilaian, nasihat dan maklumat yang bebas kepada ARMC berkenaan aktiviti yang dikaji.

Pelan dan KPI tahunan CGRM dikaji dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah, dan keputusan audit dilaporkan secara berkala kepada pihak Pengurusan dan ARMC.

**AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN**

**Strategi Pengurangan Risiko**

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai pengenalpastian dan pengurusan risiko yang utama dalam mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji dan ditambah baik secara sistematik.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Risiko tidak terhad hanya kepada empat jenis ini sahaja tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.

<b>RISIKO EKUINAS (SYARIKAT)</b>			
<b>STRATEGIK</b>	<b>PELABURAN LANGSUNG</b>	<b>PROGRAM PENYUMBERAN LUAR</b>	<b>OPERASI</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persekitaran Luaran</li> <li>• Pembiayaan</li> <li>• Kawalan selia</li> <li>• Pihak Berkepentingan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aliran urusniaga dan penilaian</li> <li>• Prestasi dan pengurusan pelaburan</li> <li>• Objektif bukan kewangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan OFM</li> <li>• Prestasi OFM</li> <li>• Pengurusan OFM</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber Manusia</li> <li>• Perbendaharaan</li> <li>• Pengurusan dan Pelaporan Kewangan</li> <li>• Pematuhan</li> <li>• Perkhidmatan Bersama</li> <li>• Korupsi dan Rasuah</li> </ul>
<b>RISIKO SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO</b>			
<b>STRATEGIK DAN PASARAN</b>	<b>PERNIAGAAN DAN KEWANGAN</b>	<b>STRATEGI PENCIPTAAN NILAI</b>	<b>PELAKSANAAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persekitaran Luaran</li> <li>• Industri</li> <li>• Kerajaan dan Kawal Selia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Operasi perniagaan</li> <li>• Perbelanjaan modal dan pelaburan</li> <li>• Penggearing/Hutang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengembangan Perniagaan</li> <li>• Penggabungan dan Pengambilalihan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber Manusia</li> <li>• Sistem dan Proses IT</li> <li>• Pengurusan dan Laporan Kewangan</li> <li>• Korupsi dan Rasuah</li> </ul>

Risiko strategik diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia serta perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak Kerajaan.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggearing, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala.

Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan mengguna pakai dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang ditetapkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan.



Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat, demi memastikan urusan yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan utama di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus. Rangka kerja ini diterima pakai di dalam semua proses pelaburan dan urusan pelaburan yang bakal dilaksanakan.

Rangka kerja Pelaburan Ekuinas meliputi pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusan strategi dan tertentu untuk memastikan risiko dikenal pasti, dianalisa, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten. Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat yang berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambilkira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

Selaras dengan Objektif Strategik 6.2: Ketahanan Entiti Korporat yang Lebih Besar terhadap Ancaman Rasuah dalam Pelan Pencegahan Rasuah Nasional (NACP) dan arahan yang berkaitan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Syarikat telah memperkenalkan satu penilaian terhadap Risiko Rasuah dan Korupsi sebagai sebahagian daripada proses dan pelaporan pengurusan risiko Syarikat. Bahagian dimana terdapat potensi korupsi dan rasuah yang mungkin berlaku telah dikenal pasti dan risiko telah dikurangkan dengan pengawalan sedia ada serta inisiatif-inisiatif seperti memperkukuhkan dasar yang berkaitan kepada perkara Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi, mengendalikan taklimat untuk kakitangan dan program kesedaran berkala.

### Laporan Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Pengurusan Risiko menggariskan pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, mengaitkannya dengan matlamat strategik dan organisasi dan menyepadukannya dengan proses perniagaan Syarikat. Laporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko dan keberkesanan kawalan sedia ada, serta keperluan untuk kawalan tambahan bagi mengurangkan risiko untuk Syarikat dan kesemua Syarikat Portfolio. Elemen utama proses ini adalah:

PENDEKATAN PENILAIAN RISIKO		
KONTEKS	KEKERAPAN	PROSES
Ekuinas	Dikemaskini setiap suku tahun	Laporan Risiko setiap suku tahun
Syarikat-syarikat Portfolio	Dikemaskini setiap suku tahun	Laporan Risiko setiap suku tahun
Cadangan Pelaburan	Apabila perlu	Prosedur Cadangan pelaburan

Memastikan kajian risiko-risiko utama dan langkah-langkah pengurangan bagi Syarikat dan syarikat-syarikat portfolio dibentangkan di mesyuarat SMC dan pembentangan seterusnya kepada ARMC dan Lembaga Pengarah.

Memastikan risiko-risiko utama dikenalpasti dan aktiviti pengurusan risiko dijalankan sebagai sebahagian daripada keperluan asas bagi semua cadangan pelaburan.

### Proses Kawalan Dalaman Utama

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:

#### Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Selain daripada Lembaga Pengarah, syarikat juga menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan dengan adanya Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ditubuhkan dengan tujuan membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas dengan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dengan jelas dalam bidang tugas masing-masing.

#### Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)

Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan Syarikat, selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat. Rangka Kerja SOP untuk syarikat adalah seperti ilustrasi di halaman sebelah.

**DASAR DAN RANGKA KERJA SOP**



Nota: 1 & 2 Rangka Kerja Pelaburan telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

PERKHIDMATAN BERSAMA	
<p><b>KEWANGAN &amp; PERAKAUNAN</b></p> <p>Dasar Perakaunan dan/atau Prosedur Operasi Standard meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aset Tetap (✓)</li> <li>• Tunai Runcit (✓)</li> <li>• Prosedur dan Dasar Pelaporan Kewangan (✓)</li> <li>• Belanjawan (✓)</li> <li>• Pembayaran &amp; Tuntutan (✓)</li> <li>• Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan (✓)</li> </ul>	<p><b>SUMBER MANUSIA</b></p> <p>Prosedur dan/atau Dasar Sumber Manusia meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan Gaji (✓)</li> <li>• Latihan &amp; Pembangunan (✓)</li> <li>• Pengambilan Pekerja &amp; Perancangan Modal Insan (✓)</li> <li>• Pengurusan Prestasi &amp; Pampasan (✓)</li> <li>• Pelan Pengekalan Jangka Panjang (✓)</li> <li>• Pengurusan Bakat (✓)</li> <li>• Hubungan Pekerja (✓)</li> </ul>
<p><b>PERBENDAHARAAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perbendaharaan (✓)</li> </ul>	<p><b>PERUNDANGAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prosedur Operasi Standard Perundangan (✓)</li> </ul>
<p><b>PEROLEHAN &amp; PENTADBIRAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perolehan (✓)</li> </ul>	<p><b>M.I.S.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Teknologi Maklumat (✓)</li> </ul>
<p><b>TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar dan Prosedur Operasi Standard CSR (✓)</li> </ul>	<p><b>KOMUNIKASI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Komunikasi (✓)</li> </ul>
<p><b>PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pihak Berkepentingan (✓)</li> </ul>	<p><b>DASAR PENDEDAHAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan (✓)</li> </ul>

Nota: (✓) Lengkap/Sempurna dan diluluskan untuk diterima pakai

- **Kod Etika**

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah dipersetujui dan diguna pakai oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borangakuan penerimaan.

- **Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan**

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan mestilah berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban serta menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk sogokan atau rasuah. Dengan matlamat ini, Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, perunding, penasihat dan kontraktor utama yang berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi sebarang ketidakpatuhan Kod ini termasuk, dan tidak terhad kepada penamatan perkhidmatan atau larangan mencadangkan apa jua perkhidmatan kepada Ekuinas untuk jangka masa yang ditetapkan.

- **Had Kuasa Yang Didokumenkan**

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendalikan operasi harian, membuat keputusan pelaburan, perolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- **Buku Panduan Pencegahan Penipuan, Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi dan Dasar Pemberian Maklumat**

Untuk mengukuhkan budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, dasar pemberian maklumat telah diperkenalkan untuk menyediakan akses kepada kakitangan yang berniat baik melaporkan apa-apa salah laku yang disyaki. Dasar ini menekankan komitmen Syarikat terhadap integriti dan etika dengan membantu untuk memupuk dan mengekalkan persekitaran di mana kakitangan boleh bertindak sewajarnya tanpa rasa takut kepada sebarang hukuman. Polisi disemak secara berkala dan semakan terakhir telah dijalankan pada 2018.

- **Kawalan Pelaburan**

Dalam kebanyakan kes pelaburan, pegawai kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat portfolio untuk terlibat secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bahagian-bahagian operasi utama.

Di samping menjalin hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas turut mengambil bahagian dalam inisiatif proses operasi untuk mencipta nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik.

### **Semakan Penyata oleh Juruaudit Luar**

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, mereka telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) yang bertujuan untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan tidak disediakan, dalam semua aspek material, mengikut pendedahan yang digariskan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Terbitan Tersenarai, dan tidak ada maklumat dalam SORMIC yang tidak tepat.

Semakan jaminan terhad mereka telah dilaksanakan mengikut Panduan Amalan Audit dan Jaminan (AAPG) 3 – Panduan Juruaudit Mengenai Penglibatan Melaporkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang disertakan dalam Laporan Tahunan yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. AAPG3 tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada SORMIC meliputi semua risiko dan kawalan, atau untuk memberi pendapat tentang kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Syarikat, termasuk penilaian dan pendapat oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan.

### **KESIMPULAN**

Bagi tahun kewangan yang dikaji, berdasarkan siasatan, maklumat dan jaminan yang disediakan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingannya. Tumpuan ke atas langkah-langkah untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pihak berkepentingan dan kemampuan perniagaan akan terus dilaksanakan. Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 17 Mac 2022.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO


Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

## KOMPOSISI DAN KEHADIRAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

ARMC telah ditubuhkan pada tahun 2010 selaras dengan Kod dan MMLR. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:

Dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli	Majoriti adalah pengarah bebas	Semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif	Sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan	Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC
--	--------------------------------	--	---	---

Komposisi ARMC dan rekod kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:



### Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

ARMC bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, atau lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. ARMC juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan semasa mesyuarat ARMC pada 16 Mac 2021.

Pengerusi ARMC membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah dan minit-minit mesyuarat didokumenkan dan diedarkan kepada setiap ahli ARMC.

### Bidang Tugas dan Tanggungjawab

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, ARMC dipandu oleh Terma Rujukan dan ditugaskan untuk:

- Membantu Lembaga Pengarah dalam merealisasikan tugas fidusiari dan memberikan pengawasan tadbir urus dalam pengurusan rangka kerja risiko Syarikat dan strategi mengurus risiko utama;
- Mengkaji kecukupan dan keberkesanan amalan dan prosedur pengurusan risiko, proses perniagaan, pelaporan kewangan dan kawalan dalaman;
- Memastikan kebebasan audit dalaman dan fungsi audit luaran dan kajian semula aktiviti, kecekapan dan prestasi; dan
- Mengkaji, menyokong, mempromosikan, dan memantau program kod etika (COE) di seluruh Syarikat yang merangkumi pengurusan konflik kepentingan, mencegah penyalahgunaan kuasa, rasuah, perdagangan orang dalam dan pengubahan wang haram dan memastikan program pemberi maklumat adalah dilaksanakan di seluruh Syarikat.

Terma Rujukan ARMC yang lengkap dan terperinci boleh didapati di [ekuinas.com.my/governance](http://ekuinas.com.my/governance).

## Aktiviti-Aktiviti

Selaras dengan bidang tugas ARMC, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:

- Menyemak dan meluluskan pelan audit jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja mereka untuk tahun kewangan yang disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar;
- Menyemak laporan untuk Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar serta pertimbangan isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Mengkaji semula dasar dan prosedur utama yang dicadangkan untuk diterima pakai oleh Syarikat, sebelum dikemukakan kepada Lembaga untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Bertemu dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan;
- Mengkaji semula prestasi, kebebasan dan yuran juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai ARMC, Penyata Tadbir Urus Korporat dan SORMIC sebelum dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan membincangkan laporan audit, isu dan cadangan daripada juruaudit luar dan dalaman hasil daripada audit yang dijalankan sepanjang tahun;
- Mengkaji kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam fungsi audit dalaman untuk melaksanakan rancangan dan hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan membincangkan laporan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) untuk kelulusan Lembaga Pengarah, sebelum diserahkan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri atau agensi Kerajaan lain.

## Fungsi Audit Dalaman

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melaporkan kepada ARMC dan secara administratif kepada CEO. Fungsi audit dalaman mempunyai dua (2) kakitangan yang terdiri daripada Ketua Jabatan CGRM dan satu (1) Pengurus. Ketua Jabatan CGRM, Muhd Hafiz Muhtar adalah Ahli Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM).

Jabatan CGRM telah menerima pakai Piagam Tadbir Urus Korporat yang memperuntukkan kebebasannya dalam menilai dan melaporkan kecukupan, integriti dan keberkesanan sistem kawalan dalam secara keseluruhan, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. Inisiatif penambahbaikan peninjauan dan kawalan yang dijalankan oleh CGRM ditakrifkan dalam pelan audit tahunan yang dikaji semula dan diluluskan oleh ARMC sepanjang tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, sebagaimana dinyatakan dalam pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumen dan menetapkan dasar dan prosedur Syarikat, serta memudahcara semakan risiko dan dokumentasi pelaporan risiko Ekuinas kepada SMC dan ARMC. CGRM turut berbincang dengan pengurusan Syarikat-syarikat Portfolio untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik.

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan proses ketekunan wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha perolehan pelaburan baru. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama akan dibangkitkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan CGRM selaras dengan Rangka Kerja Amalan Profesional (IPPF) oleh Institut Juruaudit Dalaman (IIA) dan rangka kerja Jawatankuasa *Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO)* yang memastikan kakitangan juruaudit dalaman bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan yang boleh mengganggu objektiviti dan kebebasan mereka. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 17 Mac 2022.

# DASAR PENDEDAHAN

## PENDAHULUAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, antaranya seperti garis panduan Walker Guidelines Monitoring Group 2007, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara berdaulat atau *sovereign wealth funds* dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.

Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman web rasmi, sehingga maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, perolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun begitu, Ekuinas memilih organisasi seperti 3i plc yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pegangan dan pemilikan portfolio, latar belakang kumpulan pengurusan, profil syarikat portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.

Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma Ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarkan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:


Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan dana negara berdaulat yang terkemuka

Maklumat penting harus didedahkan dengan saksama dan menyeluruh kepada pihak awam melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui laporan akhbar

Bersikap responsif terhadap permohonan maklumat daripada pihak berkepentingan utama; dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini

Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat atas permintaan rakan pelabur bersama atau sekiranya pendedahan tersebut dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai syarikat, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya

**RANGKA KERJA PENDEDAHAN EKUINAS**



ILTIZAM

---





# ILTIZAM OLEH EKUINAS



Keusahawanan ♦ Pendidikan ♦ Komuniti

## MEMBANTU PEMBANGUNAN KOMUNITI DI KEMUNCIAK PANDEMIK & MENDORONG PEMULIHAN EKONOMI

Sejak kami berikrar untuk memartabatkan socio-ekonomi komuniti masyarakat melalui rangka kerja tanggungjawab sosial korporat (CSR) pada tahun 2012, Ekuinas belum pernah menyaksikan krisis sosial dan ekonomi seperti yang disaksikan pada 2021. Misi kami untuk berkhidmat dalam pembanggunan komuniti dan membantu usahawan Bumiputera secara berkesan benar-benar dicabar.

Jurang dalam kalangan masyarakat terpinggir dan kurang bernasib baik semakin melebar manakala perniagaan mikro, yang merupakan sumber pendapatan utama bagi sebilangan besar masyarakat berpendapatan rendah telah terbantut. Akibatnya, ratusan ribu isi rumah tergelincir ke dalam kumpulan pendapatan isirumah 40% terbawah.

Malaysia beralih arah berikutan pelancaran vaksinasi COVID-19 pada penghujung 2021. Walaupun kebimbangan memuncak dengan rekod kes COVID-19 yang tinggi, keyakinan beransur pulih apabila bilangan kes kritikal berkurangan dan negara bersiap sedia untuk fasa pemulihan. Selepas lebih 9 bulan di dalam ketidaktentuan, serta pelbagai perintah kawalan pergerakan (PKP), perasaan lega mengiringi pembukaan semula ekonomi dan pemberhentian sekatan pergerakan.

Banyak yang perlu dilakukan untuk memulihkan semula perusahaan, membina semula mata pencarian dan menjana

semula ekonomi. Kami memperluaskan usaha pembangunan semula komuniti pada tahun 2020, dan kami memberi tumpuan keutamaan kami kepada inisiatif keusahawanan dan pemulihan pendapatan kerana kami percaya ini penting untuk pemulihan sosial dan ekonomi negara.

ILTIZAM mengalihkan beberapa program keusahawanannya daripada membantu usahawan mikro, kecil dan sederhana (PKS) mengekalkan dan bertahan semasa pandemik kepada inisiatif untuk pemulihan yang teguh di waktu pasca pandemik.

Kami juga terus memberi tumpuan kepada kemudahan penjagaan kesihatan awam dan petugas barisan hadapan terutamanya ketika pandemic memuncak dengan jumlah kes dan kematian tertinggi antara bulan Jun hingga September. Peralatan perubatan, kelengkapan PPE dan bekalan makanan yang diperlukan telah diagihkan kepada hospital dan petugas barisan hadapan secara dan konsisten.

Pengagihan makanan kepada masyarakat juga diteruskan sepanjang tahun, dengan tumpuan kepada golongan miskin bandar. Kami juga menekankan keperluan keluarga Ekuinas yang dahulu dan sekarang dan menghulurkan pelbagai bentuk bantuan.

Program-Program ILTIZAM program dilaksanakan secara strategik melalui 3 teras utama dan 2 saluran baharu ILTIZAM.



Pada tahun kewangan (TK) 2021, Ekuinas telah menyumbang sejumlah RM17.5 juta untuk ketiga-tiga teras ILTIZAM: Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti, yang memanfaatkan hampir 14,000 individu, isi rumah dan perniagaan di seluruh negara. Ini menjadikan jumlah sumbangan Ekuinas di bawah tiga teras CSR kepada RM68.3 juta sejak penubuhannya.

## RM17.5 juta

telah dibelanjakan untuk TK2021: RM8.9 juta untuk Keusahawanan RM7.6 juta untuk Pendidikan RM1.0 juta untuk Komuniti

## Keusahawanan: RM8.9 juta

telah diedarkan melalui Program Mentorship Usahawan (EMP). Sumbangan utama adalah melalui program baharu, EMP Ihsan, dengan kerjasama 9 agensi zakat yang memanfaatkan hampir 4,000 usahawan mikro dan asnaf. Ini adalah bilangan usahawan tertinggi yang telah dihubungi dan dibantu oleh Ekuinas dalam tempoh satu tahun.

## Pendidikan: 74

graduan yang menganggur telah dilatih dan dipertingkatkan kemahiran di bawah Program Pembangunan Profesional (PDP2021) dengan kadar kejayaan perolehan pekerjaan sebanyak 91%.



Keusahawanan ♦ Pendidikan ♦ Komuniti

# SOROTAN

## 2021

## Komuniti: RM1,000,000

telah diedarkan kepada 9,000 individu daripada komuniti B40, yang terdiri daripada asnaf, anak yatim dan kurang upaya melalui pelbagai program bantuan bencana dan pengagihan makanan.

## DANA IHSAN COVID-19 ILTIZAM

Meneruskan dari 2020, kesemua 8 inisiatif di bawah Dana Ihsan untuk dijayakan inisiatif bantuan COVID-19 telah dengan jumlah perbelanjaan sebanyak

## RM2.5 juta

untuk tahun 2021.

## Skim Zakat Wakalah:

Ekuinas mengagihkan sejumlah RM831,250 kepada 1,238 pelajar asnaf yang layak dari Kolej Cosmopoint, RM194,094 kepada 38 penerima asnaf yang layak yang terdiri daripada masjid, surau, institusi, badan bukan kerajaan (NGO) dan individu. Sebanyak RM300,000 telah diagihkan kepada usahawan asnaf melalui Program "Lori Bergerak" dengan kerjasama Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) untuk penubuhan dan operasi perniagaan trak makanan.



Selaras dengan peranan Ekuinas, menyokong ekonomi yang mampu untuk Malaysia kekal sebagai keutamaan, lebih-lebih lagi pada tahun 2020 dan 2021. Ekoran cabaran yang dibawa pandemik COVID-19 yang unik, Ekuinas meningkatkan peruntukan bagi teras Keusahawanan daripada RM331,000 pada 2020 kepada RM8.9 juta pada 2021, satu lonjakan yang amat besar. RM8.5 juta daripada dana itu telah memanfaatkan hampir 4,000 perniagaan mikro, asnaf, sosial dan Bumiputera kecil melalui EMP Ihsan.



#### EMP DIRECT

Pada tahun 2021, bilangan perusahaan tempatan yang dapat kami mentor dan bantu secara aktif untuk mempercepatkan pertumbuhan dan inovasi di bawah program EMP Direct meningkat dua kali ganda daripada 4 syarikat pada 2020, kepada 8 pada 2021. Kemajuan ini terbantu buat sementara waktu berikutan Perintah Kawalan Pergerakan sekatan dan SOP, namun inisiatif ini dapat dimulakan dan dimajukan pada Oktober 2021.

Kami melancarkan rancangan penciptaan nilai untuk mengukuhkan kapasiti 2 peserta EMP Direct iaitu, Eatalian Express dan ATF Sport Taping. Kami berjaya menambah 3 syarikat baharu, SOCIO Intelligence, Hutan Ration dan Quranic Pro Academy.

#### Eatalian Express (sejak 2020)

Diasaskan oleh pasangan suami-isteri, syarikat ini mengeluarkan pasta dan sos infusi sayuran premium dengan tujuan menawarkan pilihan makanan

yang lebih sihat kepada pasaran. Pada 2021, Eatalian Express mengembangkan sasarannya dengan memperkenalkan Little Nuur iaitu barisan produk makanan bayi mereka yang berkhasiat di rak kedai rangkaian Lotus di seluruh negara.

